UNDANG-UNDANG KECIL DAN ATURAN-ATURAN

KOPERASI TENTERA

KOPERASI ANGKATAAN TENTERA MALAYSIA BERHAD

UNDANG-UNDANG KECIL
DAN
ATURAN-ATURAN
KOPERASI TENTERA

PINDAAN TERKINI DILULUSKAN OLEH MESYUARAT AGUNG TAHUNAN (MAT) KOPERASI TENTERA YANG KE 55 PADA 27 JUN 2021 DAN DIDAFTARKAN OLEH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA PADA 19 MEI 2022

Cetakan Pada : 05 Disember 2022

KOPERASI TENTERA

Ibu Pejabat : No. 1, Jalan 2/65C,
Off Jalan Pahang Barat, 53000 Kuala Lumpur.
Tel : 03-4027 2600/700
Tingkat 1 : 03-4025 3281, Tingkat 2 : 03-4021 3351,
Tingkat 3 : 03-4023 0727, Tingkat 4 : 03-4021 3381,
Tingkat 5 : 03-4021 3515
Pusat Perkhidmatan Pelanggan KT : 03-2303 0000

CAWANGAN BUTTERWORTH

No. 15, Tingkat 1, Jalan Selat, Taman Selat,
12000 Butterworth, Pulau Pinang.
Tel : 04-332 4480/81 Faks : 04-332 4482

CAWANGAN LUMUT

PT No. 4169 & 4170,
Persiaran Sultan Yusuf Izzudin Shah,
32200 Lumut, Perak Darul Ridzuan.
Tel : 05-683 6591/94 Faks : 05-683 6573

CAWANGAN KUANTAN

No. 28, Tingkat Bawah Lorong Seri Damai Aman 38,
Perkampungan Seri Damai Aman, Jalan Gambang.
25150 Kuantan, Pahang.
Tel : 09-539 3291/95 Faks : 09-539 3108

CAWANGAN KOTA KINABALU

Shoplot No. 6, Block D,
Putatan Platinum Plaza,
88200 Kota Kinabalu, Sabah.
Tel: 088-734 275/6 Faks : 088-734 273

CAWANGAN SUNGAI PETANI

No. Al, Jalan 2, Cinta Sayang Resort Homes,
08000 Sungai Petani, Kedah.
Tel : 04-426 0000/01 Faks : 04-426 0010

CAWANGAN KLUANG

No. 47 & 49 Jalan Rambutan,
86000 Kluang, Johor.
Tel : 07-773 1704/705 Faks : 07-773 1694

CAWANGAN KOTA BHARU

PT 360, Tingkat Bawah Jalan Sri Cemerlang,
Seksyen 27, 15300 Kota Bharu, Kelantan.
Tel : 09-748 6171/748 3225
Faks : 09-744 6964

CAWANGAN MELAKA

No. 16, Tingkat Bawah, Lorong 2,
Jalan Desa Taming Sari,
Taman Desa Taming Sari,
76300 Sungai Udang, Melaka.
Tel : 06-357 4880/81 Faks : 06-357 4882

CAWANGAN KUCHING

No. 4 & 5 Phase 11, Lot 1020 Block 46 KCLD,
7th Mile Bazaar Jalan Penrissen,
93250 Kuching, Sarawak.
Tel: 082-614 707/614 717 Faks : 082-611 727

CAWANGAN IPOH

No. 39 & 41, Tingkat Bawah,
Pusat Perdagangan Tasek Indra,
Laluan Tasek Timur 3,
31400 Ipoh, Perak.
Tel : 05-541 6017 / 6275 Faks : 05-541 5915

CAWANGAN PORT DICKSON

No. 10, Block 6, Jalan Waterfront 1,
PD Waterfront, 71000 Port Dickson, Negeri Sembilan.
Tel : 06-646 2670 / 646 3713 / 646 2671
Faks : 06-646 3712

CAWANGAN TEBRAU

No. 51, Jalan Ros Merah 2/3
Taman Johor Jaya
81100 Johor Bahru, Johor
Tel : 07-355 3640 / 355 3716 Faks : 07- 355 4014

CAWANGAN MERSING

No. 9 & 10 Jalan Jeti Bandar Tepian Sungai,
86800 Mersing, Johor.
Tel : 07-799 8590 /91 Faks : 07-799 8357

CAWANGAN SIBU

No. 27, Lorong Kuda 2,
96000 Sibu, Sarawak.
Tel: 084-259 000 Faks : 084-259 010

CAWANGAN GEMAS

No. 42 & 43, Jalan Pasar Lama,
73400 Gemas,
Negeri Sembilan.
Tel : 07-948 1581/ 07-948 1587 Faks:07-948 1801

CAWANGAN TAIPING

No. 20, Jalan Medan Saujana 8,
Medan Saujana Kamunting,
34600 Kamunting, Perak.
Tel : 05-804 1786/1792 Faks : 05-804 1813

CAWANGAN JITRA

No. 46, Jalan Tok Jalai,
Kolej Heights Utara,
06000 Jitra, Kedah.
Tel : 04-714 1828 / 1829 Faks : 04-714 1835

CAWANGAN SUNGAI BESI

No 57, Tingkat 1, Jalan Tasik Utama 4,
Medan Niaga Tasik Damai, The Trillium Lakefields,
57000, Kuala Lumpur.
Tel : 03-9054 5906 / 5907 Faks : 03-9054 5904

CAWANGAN KEM DESA PAHLAWAN

No. 23/24&25, Tingkat 3,
Bangunan MCTC, Kem Desa Pahlawan,
16450 Kota Bharu, Kelantan.
Tel : 09-787 0073 / 0334 Faks : 09-787 0244

CAWANGAN TEMERLOH

No. 37, Jalan BDS 2,
Bukit Desa Semantan,
28000 Temerloh, Pahang.
Tel : 09-290 2568/2569 Faks : 09-290 2153

CAWANGAN LABUAN

A08-A09, Bangunan MCTC,
Pangkalan Udara Labuan,
87007 Labuan, Wilayah Persekutuan.
Tel : 087-451 301/302 Faks : 087-451 303

CAWANGAN SUBANG PERDANA

No. 17, Tingkat Bawah, Jalan Dinar B U3/B,
Seksyen U3, Taman Subang Perdana,
40150 Shah Alam, Selangor.
Tel : 03-7840 0225/0229 Faks : 03-7840 0338

CAWANGAN WANGSA MAJU

No. 25, Jalan Wangsa Maju Delima 1A,
Seksyen 5, Pusat Bandar Wangsa Maju,
53300 Kuala Lumpur.
Tel: 03-4142 0484/0613 Faks : 03-4142 0282

WISMA KOPERASI TENTERA

No. 17, Pekeliling Business Centre,
Off Jalan Pahang Barat,
53000 Kuala Lumpur.
Tel : 03-4027 2600/700 Faks : 03-4025 3804 (G Floor)
03-4021 0246 (Tingkat 1) / 03-4021 0317 (Tingkat 2)
03-4021 0300 (Tingkat 3)

TAWAU

Lot 9, Block B, Sabindo Square,
Bandar Sabindo,
91000 Tawau, Sabah.
Tel : 089-706 600 / 611 Faks : 089-706 622

CAWANGAN AR-RAHNU

SUNGAI BESI

No. 57, Jalan Tasik Utama 4 (Tingkat Bawah),
Medan Niaga Tasik Damai, The Trillium Lakefields,
Sungai Besi 57000 Kuala Lumpur.
Tel : 03-9054 5900/01 Faks: 03-9054 5902

WANGSA MAJU

No. 25, Jalan Wangsa Delima 1A, Seksyen 5,
Pusat Bandar Wangsa Maju,
53300 Kuala Lumpur.
Tel : 03-4142 0613/0484 Faks : 03-4142 0282

SUNGAI UDANG

No. 14, Lorong 2, Jalan Desa Taming Sari,
Taman Desa Taming Sari,
76300 Sungai Udang, Melaka.
Tel : 06-357 4870/4872 Faks : 06-357 4873

KLUANG

No. 45, Jalan Rambutan,
86000 Kluang, Johor Darul Takzim.
Tel : 07-771 1861 Faks : 07-771 1966

SUBANG PERDANA

No. 6, Jalan Dinar D U3/D,
Taman Subang Perdana,
40150 Shah Alam, Selangor.
Tel : 03-7840 0296/0328 Faks : 03-7840 0331

SUNGAI PETANI

No. Al. Jalan 2, Cinta Sayang Resort Homes,
08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman.
Tel : 04-426 0000/0001 Faks : 04-426 0010

PORT DICKSON

No. 10, Block 6, Jalan Waterfront 1, PD Waterfront,
71000 Port Dickson, Negeri Sembilan.
Tel : 06-646 2670/3713/2671 Faks : 06-646 3712

TAWAU

4418, Lot 9, Block B, Jalan Sabindo Square 1,
Jalan Dunlop, 91000 Tawau, Sabah.
Tel : 089-706600/706611 Faks : 089-706622

Perakuan Pertukaran Nama

KOPERASI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA BERHAD.

BIL. DAFTAR: 3522/12.11.60

Bahawa Ketua Pendaftar Koperasi-koperasi, Malaysia, mengesahkan pindaan nama koperasi yang di atas kepada KOPERASI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA BERHAD

RENGKASNYA: KOPERASI TENTERA

menurut pindaan kepada Undang-undang Kecilnya yang telah didaftarkan mengikut seksyen 10 (3) Ordinan Koperasi-koperasi, bilangan 33 tahun 1948.

Diperbuat dengan perintah dan dimeterikan dengan mohor Ketua Pendaftar pada hari ini ENAM *haribulan* JULAI, *tahun seribu sembilan ratus tujuh puluh* SEMBILAN.

(HJ. ISMAIL BIN HJ. ABDULLAH)

Timbalan Ketua Pengarah dengan kuasa dan bagi pihak Ketua Pendaftar Koperasi-koperasi, Malaysia

Serial No. 2522. Type No.

FEDERATION OF MALAYA

Certificate of Registration

OF THE

FEDERATION ARMED FORCES

CO-OPERATIVE CREDIT AND INVESTMENT SOCIETY

LIMITED.

Under Section 7 of the Co-operative Societies Ordinance, 1948, I, HAJI ABDUL RAUF BIN HAJI MOHD. SUKI, *Registrar of Co-operative Societies, Federation of Malaya, hereby certify that the* FEDERATION ARMED FORCES *Co-operative* CREDIT AND INVESTMENT LIMITED *Society is this day registered under the Co-operative Societies Ordinance, 1948, and that this society is registered with* LIMITED *liability.*

The by-laws of the said society are also this day registered.

Given under my hand and seal this TWELFTH *day of* NOVEMBER *one thousand nine hundred and* SIXTY.

Dr. Abdul Rauf

Registrar, Co-operative Societies, Federation of Malaya.

2548—1,000—R 17-10-58—FM 79/14—G.P., K.L.

SURUHANJAYA KOPERASI Malaysia

PERAKUAN PENDAFTARAN PINDAAN KEPADA UNDANG-UNDANG KECIL

Adalah dengan ini diperakukan bahawa pindaan undang-undang kecil

2, 9, 14, 18, 25(3), 46(2), 55, 57(2), 62(2), 66, 77, 83(1), 84, 85 dan 86

KOPERASI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA BERHAD

telah didaftarkan di bawah

subseksyen 18(3) Akta Koperasi 1993.

Ditandatangani dan dimeterai kan pada hari ini

***sembilan belas** haribulan **Mei** tahun **dua ribu dua puluh dua**.*

.....	.....
(HAJI ZAZALI BIN HARON)	**(ZAINUDDIN BIN MOHD ALI)**
Pengerusi Eksekutif	***Setiausaha***
Suruhanjaya Koperasi Malaysia	***Suruhanjaya Koperasi Malaysia***

No. Daftar: ***3522***
Ruj: ***SKM.IP.(PEND)W-35/(50)***

COPY SALINAN COPY

UNDANG-UNDANG KECIL
KOPERASI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA BERHAD

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-undang Kecil.		Muka Surat
1.	Tajuk dan mula berkuatkuasa.	2
2.	Tafsiran.	2
3.	Perubahan dari segi nahu, jenis jantina dan bilangan.	6

BAHAGIAN II

NAMA, ALAMAT BERDAFTAR DAN KAWASAN OPERASI

4.	Nama.	7
5.	Alamat.	7
6.	Kawasan Operasi.	7

BAHAGIAN III

MATLAMAT, FUNGSI DAN AKTIVITI

7.	Matlamat.	7
8.	Fungsi.	7
9.	Aktiviti.	7

BAHAGIAN IV

KEANGGOTAAN

10. Anggota. 11

11. Kelayakan menjadi anggota. 11

12. Permohonan menjadi anggota. 11

13. Fi masuk. 11

14. Ikrar anggota. 12

15. Penerimaan menjadi anggota. 12

16. Perolehan hak, kewajipan dan liabiliti anggota. 12

17. Pemberian Undang-Undang Kecil. 12

18. Penama. 12

19. Liabiliti anggota. 13

20. Hilang kelayakan sebagai anggota. 13

21. Terhenti menjadi anggota. 14

22. Menarik diri. 14

23. Penggantungan dan pembuangan anggota. 15

24. Penyelesaian wang anggota. 17

BAHAGIAN V

ORGANISASI DAN PENGURUSAN KOPERASI

25. Mesyuarat agung. 17

26. Mesyuarat agung tahunan. 18

27. Mesyuarat agung khas. 18

28. Notis mesyuarat agung. 18

29. Kuorum mesyuarat agung. 19

30. Undi mesyuarat agung. 19

31. Pembatalan dan Tundaan Mesyuarat Agung Khas. 19

32. Fungsi Mesyuarat Agung Tahunan & Mesyuarat Agung Khas. 20

33. Pengerusi mesyuarat agung. 22

34. Penaung. 22

35. Yang DiPertua dan Naib Yang Dipertua. 22

36. Lembaga Koperasi. 22

37. Kelayakan menjadi anggota Lembaga. 22

38. Tempoh memegang jawatan Anggota Lembaga. 23

39. Lucut dan penggantungan jawatan Anggota Lembaga. 24

40. Penamatan Perlantikan Anggota Lembaga. 25

41. Mesyuarat Lembaga. 25

42. Kuorum Mesyuarat Lembaga. 26

43. Urusan Mesyuarat Lembaga. 26

44. Undi Anggota Lembaga. 27

45. Buku minit Mesyuarat Lembaga. 27

46. Kuasa dan kewajipan Lembaga. 28

47. Liabiliti Anggota Lembaga. 32

48. Tugas Pengerusi. 32

49. Tugas Setiausaha. 33

50. Tugas Bendahari. 33

51. Jawatankuasa Audit Dalaman. 34

52. Kelayakan menjadi Jawatankuasa Audit Dalaman. 34

53. Tempoh memegang jawatan Jawatankuasa Audit Dalaman. 35

54. Kuasa dan kewajipan Jawatankuasa Audit Dalaman. 35

BAHAGIAN VI

ASET DAN WANG KOPERASI

55. Wang dan Kumpulan Wang Koperasi. 36

56. Modal Syer. 37

57. Modal Yuran. 37

58. Simpanan khas, deposit atau pinjaman. 38

59. Pindahan syer. 38

60. Penyelesaian Modal Syer. 38

61. Keuntungan Modal. 39

62. Kumpulan Wang Rizab Statutori. 40

63. Simpanan Khas. 40

64. Pinjaman luar. 40

65. Pelaburan wang. 40

66. Pemberian pinjaman oleh Koperasi. 41

67. Pengagihan Untung Bersih Teraudit. 41

68. Dividen dan Potongan Langganan. 42

BAHAGIAN VII

AKAUN DAN AUDIT

69. Tahun Kewangan. 43

70. Penyenggaraan Akaun. 43

71. Resit-resit dan Baucer. 44

72. Perlantikan dan Kewajipan Juruaudit. 44

73. Penyerahan Buku dan Dokumen Untuk Diaudit. 44

74. Mengemukakan Penyata Kewangan dan Laporan kepada Anggota. 44

BAHAGIAN VIII

PELBAGAI

75. Akaun Bank. 45

76. Mohor Koperasi. 45

77. Pertukaran Alamat Anggota. 45

78. Penyediaan Dokumen untuk Diperiksa. 45

79. Penyerahan Tugas. 46

80. Laporan oleh Seseorang yang Dilantik Mewakili Koperasi. 46

81. Pertikaian. 46

82. Pembubaran. 46

83. Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil. 47

84. Undang-undang kecil hendaklah Mengikat Anggota. 47

85. Menerima deposit oleh atau bagi pihak orang dewasa. 47

86. Pemeliharaan Kerahsiaan. 47

KOPERASI TENTERA

ATURAN-ATURAN PEMBIAYAAN BERLANDASKAN SYARIAH

- Aturan-aturan Am Pembiayaan. 49
- Kemudahan Pembiayaan Peribadi Bai Inah KT. 52

- Kemudahan Pembiayaan Peribadi Bai Inah BA. 55
- Kemudahan Pembiayaan Peribadi Bai Inah KR. 57
- Kemudahan Pembiayaan Bai Inah EM. 59
- Skim Pembiayaan Bai Bithaman Ajil (BBA). 61
- Skim Pembiayaan Pelbagai (Barangan/Perkhidmatan) Al-Bai Bithaman BBA(BBA). 64
- Skim Pembiayaan Pelbagai (Barangan/Perkhidmatan) Bai Bithaman Ajil PP. 67
- Skim Pinjaman Kebajikan (Al-Qardhul Hasan). 70
- Sistem Gadaian Islam (Ar Rahnu). 72
- Aturan-Aturan Pinjaman Pelajaran Tinggi. 74
- Aturan-Aturan Simpanan Wakalah Bi Al-Istithmar Dan Pengeluarannya. Aturan Pelaburan. 77
- Aturan Pelaburan 79
- Aturan Skim Deposit (Simpanan Pelaburan Mudharabah). 81
- Kemudahan Pembiayaan Berjangka - *i* (PB-*i*) (TAWARRUQ) untuk Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS). 83
- Kemudahan Pembiayaan Berjangka - *i* (PB-*i*) (TAWARRUQ) untuk Koperasi Berdaftar. 86
- Kemudahan Pembiayaan Peribadi Berdasarkan Konsep Tawarruq 89

UNDANG-UNDANG KECIL
KOPERASI ANGKATAN
TENTERA MALAYSIA BERHAD

UNDANG-UNDANG KECIL

KOPERASI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA BERHAD

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Undang-undang Kecil ini boleh dinamakan Undang-undang **Kecil Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad.** **Tajuk dan mula berkuatkuasa**

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ianya didaftarkan oleh Suruhanjaya.

2. Di dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain - **Tafsiran**

"Akta" ertinya Akta Koperasi 1993 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

"anggota" termasuklah seseorang yang turut sama dalam permohonan pendaftaran Koperasi ini dan yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan koperasi dan seseorang yang diterima menjadi anggota mengikut Peraturan dan undang-undang kecil ini selepas pendaftaran, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

"arahan" ertinya arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia kepada Koperasi dari semasa ke semasa;

"aturan-aturan" ertinya aturan-aturan yang diluluskan dari semasa ke semasa bagi melaksanakan mana-mana aktiviti yang dijalankan oleh Koperasi, tertakluk kepada peruntukan Akta, Peraturan, undang-undang kecil;
(Pindaan diluluskan MAT ke 55 pada 27 Jun 2021)

"**akaun teraudit**" ertinya termasuklah penyata kewangan dan laporan Lembaga dan laporan juruaudit di bawah subseksyen 59(1) Akta sebagaimana yang ditakrifkan menurut peraturan 2 Peraturan-Peraturan Koperasi 2010;
(Pindaan diluluskan MAT ke 55 pada 27 Jun 2021)

"bukan anggota" ertinya seseorang individu yang layak di sisi undang-undang, sesuatu koperasi, syarikat atau organisasi/entiti perniagaan berdaftar lain yang ditubuhkan di bawah akta-akta di Malaysia, yang melanggan kepada aktiviti pembiayaan dan perkhidmatan kewangan sahaja tanpa mempunyai lain-lain hak sebagaimana anggota Koperasi menurut aturan-aturan produk pembiayaan yang telah diluluskan oleh Lembaga Koperasi dari semasa ke semasa dengan kelulusan Suruhanjaya;
(Pindaan diluluskan MAT ke 55 pada 27 Jun 2021)

"**Deposit**" ertinya seperti yang ditakrifkan menurut Seksyen 2 Akta termasuklah deposit Islam iaitu sejumlah wang yang disetuju terima atau dibayar mengikut Syariah:-

(a) atas terma yang di bawahnya ia akan dibayar balik sepenuhnya dengan atau tanpa perolehan, pulangan atau apa-apa balasan berupa wang atau nilaian wang lain, sama ada dituntut atau pada masa atau dalam hal keadaan yang dipersetujui oleh atau bagi pihak orang yang membuat bayaran itu dan orang yang menyetuju terimanya; atau

(b) di bawah suatu perkiraan, atas terma yang hasil di bawah perkiraan itu akan dibayar kepada orang yang membayar jumlah wang itu tidak kurang daripada jumlah wang sedemikian, tetapi tidak termasuk wang yang dibayar secara *bona fide* –

(i) sebagai pendahuluan atau pembayaran sebahagian di bawah suatu kontrak jualan, sewaan atau penyediaan harta atau perkhidmatan lain, dan hanya boleh dibayar balik sekiranya harta atau perkhidmatan itu tidak sebenarnya dijual, disewa atau disediakan selainnya;

(ii) sebagai jaminan bagi pelaksanaan suatu kontrak atau sebagai jaminan berkenaan dengan apa-apa kerugian yang boleh disebabkan oleh ketidaklaksanaan suatu kontrak;

(iii) tanpa menghadkan perenggan (ii), sebagai jaminan bagi penghantarserahan atau pemulangan apa-apa harta, sama ada dalam keadaan baik tertentu atau selainnya; dan

(iv) tanpa menghadkan perenggan (ii), sebagai jaminan bagi penghantarserahan atau pemulangan apa-apa harta, sama ada dalam keadaan baik tertentu atau selainnya; dan

(v) dalam apa-apa hal keadaan lain, atau kepada atau oleh mana-mana orang lain, sebagaimana yang dibenarkan oleh Syariah.

(Pindaan diluluskan MAT ke 55 pada 27 Jun 2021)

"dividen" ertinya bahagian keuntungan Koperasi ini yang dibahagikan di kalangan anggota-anggotanya mengikut kadar modal syer dan modal yuran yang dipegang oleh mereka, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

"elaun" ertinya saraan yang dibayar kepada seseorang anggota Lembaga atau seseorang anggota Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Koperasi ini sebagai balasan kerana khidmatnya yang diberikan kepada Koperasi ini secara tetap;

"garis panduan" ertinya garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia kepada koperasi dari semasa ke semasa;

"honorarium" ertinya suatu bahagian keuntungan bersih teraudit koperasi yang diagihkan antara beberapa atau semua anggota Lembaga sebagai balasan bagi perkhidmatan mereka yang lazimnya tidak diberi saraan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

"kawasan operasi" ertinya kawasan di mana Koperasi ini dibolehkan mendapat anggotanya, sebagaimana yang ditakrifkan menurut Peraturan;

"kesalahan boleh daftar" ertinya kesalahan yang boleh didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Penjenayah-Penjenayah dan Orang-Orang Tak Diingini 1969, sebagaimana yang ditakrifkan menurut Jadual Pertama dan Kedua kepada Akta itu;

"Koperasi" atau "Koperasi ini" ertinya Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad;

"Kumpulan Wang Rizab Statutori" ertinya suatu kumpulan wang yang disenggara oleh Koperasi menurut subseksyen 57 (1) Akta daripada keuntungan bersih teraudit setiap tahun.

"Lembaga" ertinya badan pengelola Koperasi ini yang kepadanya pengurusan hal-ehwal Koperasi ini diamanahkan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993.

"Menteri" ertinya Menteri yang pada masa ini dipertanggungkan dengan tanggungjawab pembangunan koperasi, sebagaimana yang ditakrifkan dibawah seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

"pegawai" berhubung dengan koperasi ertinya seorang pengerusi, naib pengerusi, setiausaha, bendahari atau mana-mana anggota lain Lembaga, dan termasuklah ketua pegawai eksekutif, mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Lembaga, Peraturan atau perintah atau undang-undang kecil untuk memberi arahan berkenaan dengan urusan Koperasi ini, atau mana-mana pekerja, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

"pelantikan" termasuklah apa-apa pelantikan atau pelantikan semula, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

"Pengerusi Eksekutif" ertinya Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

"Peraturan" ertinya peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Koperasi 1993 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

"Pembiayaan" ertinya pembiayaan yang dibuat oleh seseorang anggota atau bukan anggota daripada Koperasi ini setelah memenuhi semua syarat yang

ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa dan sebagaimana yang dimaksudkan dengan "pembiayaan Islam" di bawah Seksyen 2 Akta; *(Pindaan diluluskan MAT ke 51 pada 29 Mei 2016)*

"**penyata kewangan**" ertinya akaun perdagangan dan untung rugi, akaun pembahagian keuntungan, kunci kira-kira dan apa-apa penyata yang ditentukan oleh Suruhanjaya sebagaimana yang ditakrifkan menurut peraturan 2 Peraturan. *(Pindaan diluluskan MAT ke 55 pada 27 Jun 2021)*

"potongan langganan" ertinya bahagian keuntungan Koperasi ini yang dibahagikan di kalangan anggota-anggotanya mengikut kadar banyaknya perniagaan yang dilakukan oleh mereka dengan Koperasi ini dan yang daripadanya keuntungan Koperasi ini diperoleh, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

"prinsip koperasi" termasuklah-

(a) keanggotaan sukarela dan terbuka;

(b) kawalan demokratik oleh anggota;

(c) penglibatan ekonomi oleh anggota;

(d) autonomi dan kebebasan;

(e) pendidikan, latihan dan maklumat;

(f) kerjasama antara koperasi; dan

(g) mengambil berat terhadap masyarakat,

sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

"pulangan" termasuklah apa-apa bentuk sewaan, pulangan, dividen atau faedah, termasuk apa-apa fi atau hadiah, yang kena dibayar atau akan diberikan berhubung dengan apa-apa urusniaga, transaksi atau suratcara, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

"sabitan" termasuklah sesuatu dapatan bersalah dan pembuktian kesalahan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

"simpanan khas" ertinya wang yang didepositkan oleh seseorang anggota dengan Koperasi ini dengan niat nyata untuk menggunakan wang yang didepositkan untuk suatu maksud yang dinyatakan atau yang dibenarkan menurut Peraturan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993, dan tertakluk kepada undang-undang kecil ini;

"subsidiari" ertinya sesuatu syarikat, sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 1965, yang komposisi Lembaga Pengarahnya atau lebih daripada

separuh kuasa mengundinya dikawal oleh Koperasi ini, atau yang lebih daripada separuh modal syer diterbitkannya dipegang oleh Koperasi ini, dan termasuklah sesuatu subsidiari, sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta itu, bagi syarikat itu, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

"Suruhanjaya" ertinya Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

"syer" ertinya bahagian dalam modal syer Koperasi ini yang disumbangkan oleh seseorang anggota berkenaan dengan keanggotaannya dalam Koperasi ini, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

"Tribunal Koperasi" ertinya Tribunal Koperasi yang ditubuhkan menurut seksyen 83 Akta Koperasi 1993;

"Undang-undang Kecil" ertinya Undang-undang Kecil berdaftar yang dibuat oleh Koperasi ini pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan oleh Akta Koperasi 1993 dan termasuklah sesuatu pindaan berdaftar Undang- undang Kecil, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

"wang berlebihan" ertinya tertakluk kepada Peraturan, wang yang melebihi amaun yang diperlukan oleh Koperasi ini bagi kegunaan segera sebagai modal kerja bagi perniagaannya, yang boleh didepositkan atau dilaburkan di luar Koperasi ini tanpa menjejaskan pengendalian perniagaan itu, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

"**waris**" ertinya orang yang berhak mendapat haknya atau bahagiannya (mengikut hukum faraid untuk yang beragama Islam atau peruntukan undang-undang yang berkenaan dengan pembahagian harta untuk bukan Islam) daripada harta pusaka anggota individu yang meninggal dunia.
(Pindaan diluluskan MAT ke 55 pada 27 Jun 2021)

"**wasi**" ertinya pemegang amanah yang dilantik untuk menguruskan harta pusaka anggota individu yang meninggal dunia.
(Pindaan diluluskan MAT ke 55 pada 27 Jun 2021)

"yuran" ertinya jumlah wang yang disumbangkan pada lat-lat masa yang tetap oleh seseorang anggota berkenaan dengan keanggotaannya dalam Koperasi ini dan tidak boleh dikeluarkan kecuali menurut syarat yang ditetapkan dalam undang-undang kecil atau apabila tamat keanggotaannya, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

3. Perubahan dari segi nahu, jenis jantina dan bilangan

(1) Jika mana-mana perkataan atau perbahasan ditakrif dalam sesuatu undang-undang bertulis takrif itu hendaklah diperluaskan kepada segala perubahan

nahu dan perbahasan-perbahasan kognat perkataan itu atau perbahasan yang ditakrifkan.

(2) Perkataan-perkataan dan perbahasan-perbahasan yang memaksudkan jenis lelaki meliputi perempuan.

(3) Perkataan-perkataan dan perbahasan-perbahasan dalam bilangan tunggal meliputi bilangan jamak, dan perkataan-perkataan dan perbahasan-perbahasan dalam bilangan jamak meliputi bilangan tunggal.

BAHAGIAN II

NAMA, ALAMAT BERDAFTAR DAN KAWASAN OPERASI

Nama

4. Menurut subseksyen 7(4) dan (5) Akta, Koperasi ini hendaklah dinamakan **Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad** dan nama ringkasnya ialah Koperasi Tentera.

Alamat

5. (1) Alamat yang didaftarkan bagi Koperasi ini ialah **Wisma Koperasi Tentera, No. 1, Jalan 2/65C, Off Jalan Pahang Barat, 53000 Kuala Lumpur.**

(2) Koperasi hendaklah memberitahu kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari tentang tiap-tiap pertukaran alamat menurut seksyen 11 Akta.

Kawasan Operasi

6. Kawasan operasi Koperasi ini ialah seluruh Malaysia.

BAHAGIAN III

MATLAMAT, FUNGSI DAN AKTIVITI

Matlamat

7. Menurut subseksyen 4(1) Akta, matlamat Koperasi ini ialah untuk meningkatkan kepentingan ekonomi anggotanya mengikut prinsip koperasi.

Fungsi

8. Fungsi utama Koperasi ini ialah kredit.

Aktiviti

9. (1) Bagi mencapai matlamat dan fungsi yang tersebut menurut undang-undang kecil 7 amnya dan 8 khasnya, Koperasi boleh, tertakluk kepada peruntukan Akta dan peraturan-peraturan-

(a) menjalankan aktiviti berikut:

(i) menyediakan kemudahan-kemudahan untuk anggota-anggota menyimpan wang dan memberi pembiayaan-pembiayaan kepada mereka bagi maksud yang berfaedah;

(ii) menyediakan apa-apa pembiayaan Islam atau kemudahan kredit lain kepada bukan anggota, tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya;

(iii) menjalankan aktiviti pajak gadai Islam Ar-Rahnu serta urusan pembelian dan penjualan emas atau barang berharga dan yang berkaitan dengannya;

(iv) memperolehi tanah untuk membuka ladang-ladang tanaman atau penternakan dan memproses, mengangkut dan memasar hasil-hasilnya;

(v) menjalankan perkhidmatan teksi, bas mini, bas, kereta api, feri, kapal, penerbangan, lori dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan pengangkutan;

(vi) menjalankan kegiatan pengguna termasuk mini market, supermarket, hypermarket, dan lain-lain kegiatan berkaitan dengannya seperti perolehan; pengurusan stok dan jualan barangan pengguna;

(vii) menjalankan aktiviti pengilangan, perindustrian ringan dan berat, pembuatan dan lain-lain industri pengilangan;

(viii) menjalankan aktiviti perhotelan, restoran, kantin, pembekalan makanan dan minuman dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan;

(ix) membangunkan rumah-rumah kediaman, kedai-kedai, kilang-kilang dan bangunan-bangunan lain atau membeli rumah-rumah, kedai-kedai, kilang-kilang dan bangunan-bangunan lain yang telah siap dibina dengan tanah dan menjual, mengadai janji, memindah milik dan memajak tanah dan rumah-rumah, kedai-kedai, kilang-kilang dan bangunan-bangunan lain;

(x) mengaturkan bagi pihak pembeli-pembeli untuk membeli rumah-rumah, kedai-kedai, kilang-kilang dan bangunan-bangunan lain daripada pemaju. Dimana sesuai, membincang dan mengaturkan pinjaman bank kepada pembeli-pembeli untuk membeli rumah-rumah, kedai-kedai dan bangunan-bangunan lain tersebut terus daripada pemaju;

(xi) menjalankan aktiviti percetakan, penjilidan, penerbitan, dan lain-lain kerja yang berkaitan;

(xii) menjalankan aktiviti insurans am, insurans nyawa, takaful dan lain-lain aktiviti insurans yang berkaitan;

(xiii) menjalankan aktiviti penyebaran seperti radio dan televisyen;

(xiv) menjalankan aktiviti perkhidmatan telekomunikasi dan perkhidmatan berkomputer;

(xv) menjalankan aktiviti membeli, menjual, mengedar, servis dan membaiki kenderaan-kenderaan bermotor;

(xvi) menjalankan aktiviti stesen minyak;

(xvii) menjalankan aktiviti pembinaan dalam bidang-bidang sivil, struktur, mekanikal, elektrikal, dan bangunan dan aktiviti senggaraan yang berkaitan;

(xviii) menjalankan aktiviti latihan dan pendidikan dalam bidang-bidang pentadbiran dan pengurusan, perniagaan, akaun dan kewangan, undang-undang, kesetiausahaan, komputer, kejuruteraan dan lain-lain bidang ikhtisas di peringkat sijil, diploma dan ijazah;

(xix) menjalankan aktiviti pengurusan dan pentadbiran wang atau harta seperti wasiat, hibah dan aktiviti-aktiiviti lain yang berkaitan dengannya.
(Pindaan diluluskan MAT ke 55 pada 27 Jun 2021)

(b) menjalankan aktiviti kebajikan anggota, pendidikan dan perniagaan;

(c) membeli, menjual, memindahkan hak milik, mendirikan, sewa-menyewa, cagar-mencagar, pajak-memajak, gadai-menggadai dan memiliki harta-harta alih dan harta-harta tak alih;

(d) melaburkan wang lebihan dalam perkara-perkara yang dibenarkan di bawah seksyen 54 Akta;

(e) mengadakan subsidiari di bawah seksyen 19 Akta dengan kebenaran Suruhanjaya; dan

(f) menyertai usahasama dan menjadi anggota kepada koperasi lain.

(Pindaan diluluskan MAT ke 51 pada 29 Mei 2016)

(2). Bagi menjayakan aktiviti menurut fasal (1) undang-undang kecil ini, Koperasi boleh mendapatkan-

(a) modal dengan cara mengumpul syer, yuran, deposit, pembiayaan atau simpanan khas daripada anggota; dan

(b) deposit atau pembiayaan daripada anggota dan bukan anggota dengan kelulusan Suruhanjaya menurut subseksyen 50(e), subseksyen 52(2), seksyen 52A Akta dan Peraturan.

(3) Bagi mengendalikan sesuatu aktiviti menurut fasal (1) itu Lembaga hendaklah:-

(a) membuat aturan aktiviti yang sesuai yang berkaitan aktiviti-aktiviti Koperasi dan diluluskan oleh mesyuarat agung tahunan; dan

(b) membuat aturan aktiviti yang berkaitan aktiviti kredit Koperasi tertakluk kepada Undangundang Kecil 46 dan dimaklumkan dalam mesyuarat agung tahunan.

Satu salinan hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari selepas aturan aktiviti tersebut diluluskan.
(Pindaan diluluskan MAT ke 55 pada 27 Jun 2021)

(4) Bagi melaksanakan skim berhubung dengan simpanan khas, deposit atau pembiayaan menurut Peraturan, Koperasi hendaklah-

(a) menyediakan aturan berasingan yang menyatakan dengan jelas terma dan syarat-syarat bagi skim tersebut;

(b) aturan skim itu hendaklah diluluskan di mesyuarat Lembaga dan memaklumkannya di dalam mesyuarat agung tahunan; dan

(c) mengemukakan satu salinan aturan yang diluluskan itu kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari selepas aturan itu diluluskan.

(Pindaan diluluskan MAT ke 55 pada 27 Jun 2021)

(5) Walau apa pun peruntukan undang-undang kecil ini, setiap aktiviti yang hendak dijalankan adalah tertakluk kepada peruntukan- peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain.

BAHAGIAN IV

KEANGGOTAAN

Anggota

10. Anggota-anggota Koperasi ini termasuklah seseorang yang turut sama dalam permohonan mendaftarkan Koperasi ini dan yang telah menandatangan minit mesyuarat agung permulaan Koperasi dan seseorang yang diterima menjadi anggota menurut Peraturan dan Undang-undang Kecil ini selepas pendaftaran.

Kelayakan menjadi anggota

11. (1) Keanggotaan Koperasi ini terbuka kepada anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia, anggota sukarela, bekas-bekas anggota Tentera Malaysia dan kakitangan awam di dalam Kementerian Pertahanan Malaysia.

(2) Seseorang yang ingin menjadi anggota Koperasi ini mestilah-

(a) warganegara Malaysia;

(b) telah mencapai umur lapan belas tahun;

(c) bermastautin atau mempunyai hartanah atau bekerja dalam kawasan operasi Koperasi ini; dan

(d) bukan seorang yang terhadapnya masih berkuatkuasa suatu sabitan bagi kesalahan boleh daftar, atau tidak upaya dari segi mental, atau bankrap yang belum dilepaskan, atau pernah dibuang daripada keanggotaan mana-mana koperasi dalam tempoh satu tahun.

Permohonan menjadi Anggota

12. Permohonan menjadi anggota hendaklah dibuat dalam borang rasmi Koperasi ini dan dialamatkan kepada setiausaha Koperasi atau pegawai Koperasi yang dipertanggungjawabkan.

Fi masuk

13. (1) Tiap-tiap permohonan menjadi anggota hendaklah disertakan dengan fi masuk sekurang-kurangnya RMI0.00 (Ringgit: Sepuluh). Fi masuk itu menurut subseksyen 50(a) Akta akan dikembalikan kepada pemohon jika permohonannya ditolak oleh Lembaga.

(2) Bekas anggota yang memohon untuk menjadi anggota semula dikenakan fi masuk sekurang-kurangnya RM20.00 (Ringgit: Dua puluh).

(3) Penama atau wakil yang sah menurut seksyen 24 Akta kepada anggota yang mati, jika layak menurut undang-undang kecil 11 dan memohon untuk menjadi anggota dalam tempoh enam bulan selepas kematian anggota itu, tidak dikenakan fi masuk.

(4) Semua fi masuk hendaklah dikreditkan ke dalam akaun untung rugi.

14. (1) Seseorang yang memohon untuk menjadi anggota hendaklah diminta menandatangan suatu ikrar bahawa dia:- **Ikrar anggota**

(a) akan terikat dengan Undang-undang Kecil ini dan aturan-aturan aktiviti yang sedia ada serta apa-apa pindaan yang dibuat oleh Koperasi ke atas Undang-undang Kecil ini dari semasa ke semasa;
(Pindaan diluluskan MAT ke 55 pada 27 Jun 2021)

(b) bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan;

(c) bukan seorang yang terhadapnya masih berkuatkuasa suatu sabitan bagi kesalahan yang boleh daftar; dan

(d) tidak pernah dibuang daripada keanggotaan mana-mana koperasi dalam tempoh satu tahun.

(2) Mana-mana pemohon yang enggan menandatangan ikrar tersebut tidak boleh diterima menjadi anggota.

(3) Seseorang yang telah menjadi anggota dengan sebab turut sama dalam membuat permohonan bagi pendaftaran Koperasi ini dan mereka yang telah menandatangan minit mesyuarat agung permulaan koperasi ini, dikehendaki menandatangan ikrar menurut fasal (1) dalam tempoh empat puluh lima hari selepas diterima perakuan pendaftaran Koperasi. Kegagalan menandatangan ikrar tersebut boleh menyebabkan dia disingkir.

15. Permohonan menjadi anggota hendaklah dipertimbangkan oleh Lembaga dalam mesyuaratnya yang boleh menerima atau menolak sesuatu permohonan itu tanpa menyatakan sebab-sebabnya. Seseorang yang diterima menjadi anggota hendaklah diberitahu secara bertulis dalam tempoh tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas penerimaannya itu. **Penerimaan menjadi anggota**

16. Menurut seksyen 28 Akta, tiap-tiap anggota yang telah menjelaskan yuran bulanan yang pertama yang bernilai sekurang-kurangnya RM30.00 (Ringgit: Tiga puluh) serta RM100.00 (Ringgit: Satu ratus) syer boleh melaksanakan segala hak, kewajipan dan liabiliti sebagai seorang anggota sebagaimana yang terkandung didalam Undang-undang Kecil ini. **Perolehan hak, kewajipan dan liabiliti anggota**

17. Tiap-tiap anggota hendaklah diberi dengan percuma satu naskah Undang-undang Kecil ini. **Pemberian Undang-undang kecil**

18. (1) Tiap-tiap anggota Muslim hendaklah menamakan seorang penama atau wasi di sisi undang-undang untuk menerima setelah dia mati, wang yang berhak baginya di dalam Koperasi ini bagi diagihkan kepada waris yang berhak mengikut hukum Islam. **Penama**
(Pindaan diluluskan MAT ke 55 pada 27 Jun 2021)

(2) Tiap-tiap anggota yang bukan Muslim hendaklah dengan mengisi satu borang rasmi kepada Koperasi ini, dihadapan sekurang-kurangnya dua orang saksi yang mengakusaksikan perkara yang sama atau dengan satu akuan yang dibuat sewajarnya, menamakan seorang atau lebih daripada seorang sebagai penama yang kepadanya dan syer, pulangan atau kepentingan itu atau nilai yuran dan syer, pulangan atau kepentingan itu atau apa-apa wang lain yang disebut dalam seksyen 24 Akta, yang kena dibayar kepada anggota itu, boleh dengan kematian anggota itu, dipindahkan atau dibayar menurut seksyen tersebut dan anggota itu boleh dari semasa ke semasa membatalkan atau menukar penamaan tersebut dan hendaklah memberitahu Koperasi akan perubahan, jika ada, mengenai penamaan itu. Dalam hal-hal sedemikian, nilai yuran, syer, pulangan atau kepentingan anggota itu hendaklah sama dengan jumlah wang yang sebenarnya dibayar oleh anggota itu untuk memperolehi yuran atau syer atau pulangan atau kepentingan tersebut itu sebagaimana yang dinyatakan dibawah Peraturan. Jika tiada orang yang dinamakan Lembaga boleh menentukan waris atau wakil di sisi undang-undang bagi anggota yang mati itu.
(Pindaan diluluskan MAT ke 55 pada 27 Jun 2021)

(3) Anggota boleh dari semasa ke semasa membatalkan atau mengubah penamaan yang dibuat dengan mengisi borang yang disediakan oleh Koperasi.

(4) Tertakluk kepada undang-undang kecil 11, seseorang penama atau wasi boleh diterima menjadi anggota dan penama atau wasi yang demikian itu hendaklah dianggap telah menjadi anggota mulai tarikh anggota yang digantikannya itu diterima sebagai anggota.
(Pindaan diluluskan MAT ke 55 pada 27 Jun 2021)

Liabiliti anggota

19. (1) Liabiliti seseorang anggota terhadap hutang-hutang Koperasi ini sekiranya pendaftaran Koperasi ini dibatalkan adalah terhad kepada modal yuran dan modal syer yang dimilikinya.

(2) Liabiliti seseorang bekas anggota terhadap hutang-hutang Koperasi yang ada pada tarikh keanggotaannya terhenti hendaklah tidak berterusan lebih daripada dua tahun dari tarikh keanggotaannya terhenti, menurut subseksyen 35(1) Akta.

(3) Harta pusaka seseorang anggota yang telah mati hendaklah menurut subseksyen 35(2) Akta, tidak bertanggungan bagi hutang Koperasi ini yang ada pada tarikh kematiannya itu melebihi tempoh dua tahun dari tarikh kematian itu.

Hilang kelayakan sebagai anggota

20. Seseorang anggota akan hilang kelayakannya sebagai anggota jika dalam tempoh menjadi anggota, dia-

(a) hilang kewarganegaraan;

(b) tidak upaya dari segi mental;

(c) seorang bankrap yang belum dilepaskan;

(d) seorang yang terhadapnya masih berkuatkuasa suatu sabitan bagi kesalahan boleh daftar;

(e) telah dibuang daripada menjadi anggota di bawah Akta ini dan suatu tempoh selama satu tahun belum lagi berlalu dari tarikh pembuangan itu; atau

(f) tidak lagi bermastautin, mempunyai hartanah dan bekerja dalam kawasan operasi Koperasi.

Terhenti menjadi anggota

21. (1) Keanggotaan seseorang anggota terhenti atas sebab berikut:

(a) meninggal dunia;

(b) menarik diri menurut undang-undang kecil 22; atau

(c) dibuang menurut undang-undang kecil 23.

(2) Lembaga hendaklah memecat daripada keanggotaan seseorang yang-

(a) didapati membuat ikrar palsu menurut fasal (1) undang-undang kecil 14;

(b) hilang kelayakan sebagai anggota menurut undang- undang kecil 20;

(c) terhenti keanggotaannya menurut perenggan (c) fasal (1);

(d) gagal menjelaskan syer minimum menurut undang- undang kecil 56;

(e) gagal menjelaskan yuran menurut undang-undang kecil 57 enam bulan berturut-turut dengan tiada kebenaran Lembaga; atau

(f) gagal menjelaskan ansuran pembiayaan untuk tempoh sekurang-kurangnya tiga bulan berturut-turut dengan tiada sebab-sebab yang munasabah tertakluk kepada aturan dari semasa ke semasa.

(Pindaan diluluskan MAT ke 52 pada 30 Julai 2017)

Menarik diri

22. (1) Seseorang anggota boleh menarik diri daripada Koperasi ini dengan memberi notis bertulis dua belas bulan terlebih dahulu kepada Lembaga. Atas sebab yang munasabah, Lembaga boleh membenarkan penarikan diri dalam tempoh yang singkat. Seseorang anggota hendaklah:-

(a) tidak terhutang kepada Koperasi sebagai peminjam atau penjamin boleh menarik diri daripada menjadi anggota Koperasi setelah memberi notis bertulis enam bulan terlebih dahulu. Atas sebab yang munasabah, Lembaga mengikut pertimbangannya boleh membenarkan penarikan diri dalam tempoh yang singkat;

(b) yang terhutang kepada Koperasi sama ada sebagai peminjam atau penjamin boleh menarik diri daripada menjadi anggota Koperasi ini dengan memberi notis bertulis enam bulan terlebih dahulu tetapi notis tersebut tidak akan sah kecuali jika pada akhir notis enam bulan itu dia bebas dari segala tanggungan kepada Koperasi sama ada sebagai peminjam atau penjamin. Walaubagaimanapun, seseorang anggota yang mana pada masa menghantar permohonan untuk menarik diri masih terhutang kepada Koperasi sebagai peminjam atau penjamin dan yang mempunyai jumlah bayaran dan milik wang yuran dalam Koperasi ini sama banyak atau lebih daripada jumlah pembiayaan yang belum dijelaskan, maka bolehlah dibenarkan di bawah keadaan-keadaan luarbiasa menyelesaikan tanggungannya daripada wang simpanannya dan mana-mana wang yang lebih itu, jika ada, hendaklah biasanya dikembalikan kepadanya setelah tempoh enam bulan dari tarikh permohonan menarik diri itu berlalu;

(c) dalam tempoh notis penarikan diri itu yang telah dilulus, anggota yang demikian tidak mempunyai hak dan kewajipan sebagai seorang anggota sebagaimana yang terkandung dalam Undang-undang Kecil ini; dan

(d) seseorang anggota yang notis penarikan dirinya telah dilulus, tidak dikehendaki membayar yuran bulanan dalam tempoh notis penarikan diri.

(2) Melainkan tarikh lebih awal dipersetujui oleh Lembaga, maka keanggotaan anggota itu hendaklah terhenti hanya pada hari genap tempoh notisnya.

(3) Dalam tempoh notis itu, anggota yang demikian hendaklah masih mempunyai hak, kewajipan dan liabiliti sebagai seorang anggota.

Penggantungan dan Pembuangan Anggota

23. (1) Jika seseorang anggota melanggar mana-mana peruntukan dalam Undang-undang Kecil ini atau melakukan mana-mana satu daripada perbuatan berikut:

(a) merujukkan pertikaian atau aduan kepada mana-mana orang selain daripada Suruhanjaya;

(b) membuat kenyataan dalam akhbar atau mana-mana media massa mengenai Koperasi ini tanpa kebenaran Lembaga;

(c) membuat tuduhan palsu ke atas anggota Lembaga atau anggota atau bekas anggota atau pekerja Koperasi ini sehingga menyebabkan anggota-anggota berpecah-belah dan berpuak-puak;

(d) memburuk-burukkan Koperasi sehingga mencemarkan nama baik dan menjejaskan urusan perniagaan Koperasi ini; atau

(e) bertindak di luar etika mesyuarat di dalam mana-mana mesyuarat sehingga menjejaskan perjalanan mesyuarat itu.

dia adalah dianggap telah bertindak memudaratkan kepentingan Koperasi dan boleh digantung keanggotaannya.

(2) Keputusan untuk menggantung keanggotaan seseorang anggota boleh dibuat oleh Lembaga jika majoriti anggota Lembaga berpuas hati bahawa anggota itu telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan koperasi atau pergerakan koperasi dan hanya setelah anggota yang berkenaan itu diberitahu secara bertulis mengenai tuduhan yang jelas terhadapnya dan diberi peluang untuk menyatakan sebab secara bertulis dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh surat diterima mengapa keanggotaannya tidak boleh digantung. Anggota yang digantung hendaklah, mulai dari tarikh penggantungan itu, berhenti menjalankan segala haknya dalam koperasi dan tidak berhak untuk menerima apa-apa faedah selama tempoh penggantungan itu.

(3) Tiap-tiap kes penggantungan hendaklah dibentangkan kepada mesyuarat agung yang terawal dan dijadikan sebagai agenda pertama, dan anggota yang digantung keanggotaannya itu hendaklah diberitahu secara bertulis tidak kurang daripada lima belas hari sebelum diadakan mesyuarat, tentang tarikh, masa, tempat dan haknya untuk membela diri akan dijalankan di mesyuarat itu.

(4) Sebelum mengesahkan atau mengetepikan penggantungan itu, mesyuarat agung hendaklah mendengar penjelasan anggota yang digantung oleh Lembaga itu, jika dia memilih untuk memberi penjelasan, dan keanggotaannya tidak lucut melainkan jika mesyuarat agung dengan undi dua pertiga daripada anggota yang hadir membuat keputusan membuangnya.

(5) Sehingga perkara penggantungan keanggotaannya diputuskan oleh mesyuarat agung, anggota yang berkenaan itu tidak mempunyai apa-apa hak dan kewajipan sebagai anggota melainkan hak menyuarakan hal penggantungan keanggotaannya itu di dalam mesyuarat agung.

(6) Pengesahan penggantungan keanggotaan anggota itu oleh mesyuarat agung menurut fasal (4) hendaklah disifatkan mula berkuatkuasa dari tarikh penggantungan anggota itu. Selepas pengesahan penggantungan

keanggotaan oleh mesyuarat agung, keanggotaan anggota itu hendaklah ditamatkan mulai dari tarikh mesyuarat agung itu.

(7) Jika penggantungan anggota tidak disahkan oleh mesyuarat agung, koperasi hendaklah mengekalkan jawatan anggota itu, dan apa-apa faedah yang patut diterima oleh anggota itu selama tempoh penggantungannya hendaklah dibayar kepadanya dengan serta-merta.

Penyelesaian wang anggota

24. (1) Jika seseorang anggota terhenti daripada menjadi anggota Koperasi ini menurut undang-undang kecil 21, semua wang kepunyaannya melainkan nilai syer miliknya, setelah ditolak hutangnya dengan Koperasi ini hendaklah-

(a) sekiranya dia ditamatkan keanggotaannya, dikembalikan kepadanya dengan segera tanpa apa-apa syarat;

(b) sekiranya dia hilang keupayaan dari segi mental dan tiada pentadbir atau pemegang amanah bagi hartanya yang telah dilantik, dikembalikan kepada sesiapa yang difikirkan wajar untuk menerima bagi pihaknya sebaik sahaja penerima itu ditentukan;

(c) sekiranya dia mati, dikembalikan kepada penamanya atau warisnya atau wakilnya yang sah, menurut seksyen 24 Akta, disyaratkan bahawa bagi seseorang anggota Muslim, pengembalian tidak boleh dibuat melainkan kepada wakilnya yang sah atau kepada Pegawai Pentadbir Pusaka jika selepas enam bulan dari tarikh kematiannya, wakilnya yang sah tidak dapat dipastikan atau tidak dilantik;

(d) sekiranya dia menarik diri tertakluk kepada undang-undang kecil 22, dikembalikan kepadanya selepas akhir tempoh notis; dan

(e) sekiranya dia tidak lagi bermastautin, mempunyai hartanah dan bekerja dalam kawasan operasi Koperasi, dikembalikan kepadanya dengan sewajarnya.

(2) Penyelesaian mengenai syer seseorang yang terhenti keanggotaannya sebagaimana yang ditentukan dalam akaun teraudit terakhir Koperasi ini, hendaklah tertakluk kepada peruntukan undang-undang kecil 59 dan 60.

BAHAGIAN V

ORGANISASI DAN PENGURUSAN KOPERASI

Mesyuarat Agung

25. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta, Peraturan, arahan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa dan Undang-undang Kecil, kuasa tertinggi bagi Koperasi ini hendaklah terletak hak pada mesyuarat agung, menurut seksyen 36 Akta. Di dalam mesyuarat ini, setiap

anggota yang layak di bawah Undang-undang kecil ini berhak hadir dan mempunyai satu undi.

(2) Mesyuarat agung hendaklah terbahagi kepada dua jenis iaitu mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat agung khas.

(3) Dalam keadaan khas, mesyuarat agung boleh diadakan secara atas talian seperti melalui persidangan telefon, persidangan video, audio visual, atau peralatan komunikasi lain yang serupa di mana semua anggota yang menyertai mesyuarat agung ini dapat saling mendengar, tanpa kehadiran fizikal anggota dan penyertaan anggota dalam mesyuarat menurut peruntukan ini adalah dianggap kehadiran secara langsung dalam mesyuarat tersebut.
Anggota yang mengambil bahagian dalam mesyuarat dengan cara yang disebutkan di atas juga dapat dipertimbangkan dalam memastikan kehadiran kuorum dalam mesyuarat tersebut. Mesyuarat sedemikian akan dianggap berlaku di tempat utama mesyuarat, dan Pengerusi hendaklah hadir di tempat utama mesyuarat itu.

Untuk tujuan fasal 3 Undang-Undang Kecil 25 ini, "keadaan khas" ertinya keadaan di mana ianya diluar kawalan koperasi yang menjadikannya tidak praktikal atau mustahil untuk mengadakan pertemuan fizikal, termasuklah tindakan Tuhan, gempa, kebakaran, banjir, ribut atau lain-lain malapetaka semula jadi; sebarang wabak; apa-apa tindakan atau arahan kerajaan pusat atau kerajaan negeri; sebarang tindakan sabotaj, keganasan atau perang; sebarang gangguan awam atau ketenteraan; sebarang pemberontakan, rusuhan atau mogok; sebarang bencana nuklear, atau keadaan lain yang dipersetujui bersama oleh para anggota.
(Pindaan diluluskan MAT ke 55 pada 27 Jun 2021)

Mesyuarat Agung tahunan

26. Mesyuarat agung tahunan menurut subseksyen 39(1) Akta, hendaklah diadakan tidak lewat daripada enam bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan atau tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya.

Mesyuarat Agung Khas

27. (1) Lembaga pada bila-bila masa boleh, atau apabila ada rekuisisi yang ditandatangan oleh sekurang-kurangnya satu perlima atau satu ratus anggota mengikut mana yang kurang hendaklah, memanggil suatu mesyuarat agung khas menurut subseksyen 40(1) Akta.

(2) Suruhanjaya atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya menurut subseksyen 40(2) Akta, boleh memanggil pada bila-bila masa suatu mesyuarat agung khas, mengikut cara, masa dan tempat yang diarahkannya, dan boleh menentukan perkara-perkara yang hendaklah dibincangkan oleh mesyuarat itu, dan mesyuarat itu hendaklah mempunyai segala kuasa dan tertakluk kepada kaedah yang sama seperti mesyuarat agung yang dipanggil menurut Akta atau Undang-undang Kecil ini.

Notis Mesyuarat Agung

28. (1) Notis bagi sesuatu mesyuarat agung hendaklah diberi kepada anggota dalam tempoh tidak kurang daripada lima belas hari sebelum diadakan mesyuarat agung itu.

(2) Notis hendaklah menentukan tarikh, masa, tempat dan agenda mesyuarat dan bagi mesyuarat agung tahunan hendaklah disertakan-

(a) akaun-akaun dan kunci kira-kira Koperasi ini dan subsidiarinya, jika ada, yang teraudit;

(b) belanjawan bagi tahun kewangan yang akan datang;

(c) laporan Lembaga;

(d) laporan Jawatankuasa Audit Dalaman; dan

(e) dokumen-dokumen lain yang berkaitan.

Satu salinan notis hendaklah dipamerkan di pejabat Koperasi ini dan sebagai tambahan boleh juga diterbitkan di dalam mana-mana akhbar tempatan.

(3) Menurut seksyen 41 Akta, Lembaga hendaklah memberi kepada Suruhanjaya notis bertulis yang mengandungi maklumat berkaitan tarikh, masa, tempat dan agenda mesyuarat agung yang akan diadakan oleh Koperasi dalam tempoh tidak kurang daripada tiga puluh hari sebelum diadakan mesyuarat agung itu.

Kuorum Mesyuarat Agung

29. (1) Kuorum bagi sesuatu mesyuarat agung bagi apa-apa maksud adalah seperti yang ditetapkan di bawah Peraturan.

(2) Kuorum bagi mesyuarat agung kerana meminda Undang- undang Kecil ini, hendaklah dua pertiga dari jumlah anggota, melainkan kuorum terkurang dibenarkan oleh Suruhanjaya.

(3) Bagi sesuatu mesyuarat agung khas yang dipanggil oleh Suruhanjaya menurut fasal (2) undang-undang kecil 27 yang ditunda-

(a) kuorum hendaklah tidak kurang daripada dua kali ganda bilangan anggota Lembaga; dan

(b) keputusan boleh dibuat dengan kelebihan undi dua pertiga daripada anggota yang hadir dan layak mengundi menurut Peraturan.

Undi Mesyuarat Agung

30. (1) Semua perbahasan kecuali yang berkaitan dengan pindaan Undang-undang Kecil hendaklah diputuskan dengan majoriti mudah undi anggota yang hadir dalam mesyuarat agung itu.

(2) Anggota yang berkecuali dianggap tidak menyokong usul itu. Jika undi sama banyak, maka usul yang diundi itu hendaklah disifatkan kalah.

(3) Pengerusi mesyuarat tidak mempunyai undi pemutus.

Pembatalan dan Tundaan Mesyuarat Agung Khas

31. (1) Jika selepas tiga puluh minit daripada waktu yang ditetapkan bagi sesuatu mesyuarat agung khas itu bilangan anggota yang hadir masih belum mencukupi kuorum, maka mesyuarat agung itu-

(a) dibatalkan, jika dipanggil atas rekuisisi anggota atau dipanggil dengan kehendak Lembaga; atau

(b) ditunda, jika dipanggil oleh Suruhanjaya menurut subseksyen 40(2) Akta.

(2) Bagi mesyuarat yang ditunda menurut perenggan (b) fasal (1)-

(a) tarikh mesyuarat tertunda hendaklah tidak kurang daripada empat belas hari tetapi tidak lebih daripada tiga puluh hari; dan

(b) notis penundaan hendaklah diposkan dalam tempoh tujuh hari dari tarikh mesyuarat yang ditunda.

(3) Perkara-perkara yang telah dicadangkan bagi mesyuarat agung yang ditunda hendaklah dibincangkan pada mesyuarat tertunda itu. Jika terdapat perubahan kepada perkara-perkara yang telah dicadangkan itu, notis baru menurut fasal (1) undang-undang kecil 28 hendaklah diberi kepada tiap-tiap anggota bagi mesyuarat tertunda itu.

Fungsi Mesyuarat Agung tahunan dan mesyuarat agung khas

32. (1) Menurut Peraturan, fungsi mesyuarat agung hendaklah termasuk yang berikut:

(a) mengesahkan minit mesyuarat agung tahunan yang terdahulu dan mana-mana mesyuarat agung khas yang berselang;

(b) menimbang laporan-laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman;

(c) menimbang dan meluluskan akaun teraudit Koperasi dan subsidiarinya, jika ada, termasuk laporan Lembaga di bawah subseksyen 59(1)(c) Akta dan laporan juruaudit; dan pengagihan untung bersih teraudit, jika ada;

(d) melantik anggota Lembaga;

(e) menimbang dan meluluskan belanjawan tahunan koperasi bagi tahun kewangan yang berikutnya;

(f) membentangkan suatu laporan berkenaan dengan penerimaan deposit dan pinjaman daripada anggota dan bukan anggota;

(g) meluluskan elaun yang akan diberikan kepada anggota Lembaga, dan saraan yang akan dibayar kepada mana-mana anggota Lembaga yang dilantik sebagai pengarah subsidiari Koperasi, jika ada;

(h) meluluskan pelantikan suatu panel yang tidak kurang daripada dua orang juruaudit, yang merupakan juruaudit yang diluluskan oleh Suruhanjaya atau pegawai Suruhanjaya, untuk mengaudit akaun Koperasi;

(i) menimbang dan meluluskan ruang lingkup dan had pelaburan kumpulan wang lebihan Koperasi mengikut seksyen 54 Akta;

(j) menimbang dan meluluskan suratcara skim simpanan, deposit atau pinjaman; jika ada;

(k) menentukan had maksimum keterhutangan Koperasi;

(l) melantik jawatankuasa yang terdiri daripada enam anggota dan empat anggota Lembaga, termasuk pengerusi untuk menentusahkan draf minit mesyuarat agung tahunan, jika ada;

(m) mengisytiharkan atau menerbitkan syer bonus, jika ada;

(n) mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa cadangan atau hal urusan lain Koperasi yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh hari sebelum mesyuarat dipanggil telah diberikan;

(o) menimbang dan memutuskan apa-apa cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil Koperasi;

(p) mendengar dan memutuskan apa-apa aduan yang di bawa oleh mana-mana anggota Koperasi yang terkilan dengan keputusan Lembaga, yang baginya suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh hari sebelum mesyuarat dipanggil telah diberikan kepada Koperasi; dan

(q) menimbang dan meluluskan apa-apa laporan yang hendak dikemukakan mengikut Peraturan, jika ada.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), fungsi yang dinyatakan dalam fasal (1)*(g), (h), (i), (j), (k), (l), (m), (n), (p)* dan *(q)* boleh diputuskan dalam mesyuarat agung khas yang dipanggil di bawah subseksyen 40(1) Akta.

(3) Minit-minit mesyuarat agung hendaklah direkodkan di dalam buku minit mesyuarat yang berkenaan dan satu salinan hendaklah diserahkan kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari selepas tarikh mesyuarat agung itu, menurut subseksyen 14(1)(b) Akta.

(4) Sebarang usul tergempar tidak dibenarkan.

Pengerusi Mesyuarat Agung

33. (1) Pengerusi Koperasi hendaklah mempengerusikan mesyuarat agung. Jika Pengerusi tidak hadir maka naib pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat. Jika kedua-duanya tidak hadir mana-mana anggota Lembaga yang hadir hendaklah dipilih bagi mempengerusikan mesyuarat agung.

(2) Pengerusi dengan persetujuan mesyuarat boleh menangguhkan mesyuarat agung:-

(a) ke satu masa lain dari tarikh mesyuarat asal;

(b) di dalam kawasan operasi Koperasi; dan

(c) menjalankan urusan mesyuarat yang asal sahaja.

(3) Notis tidak perlu bagi mesyuarat yang ditangguhkan itu.

Penaung

34. Lembaga boleh menjemput seorang kenamaan awam untuk memegang jawatan Penaung Koperasi ini.

Yang DiPertua dan Naib Yang DiPertua

35. (1) Panglima Angkatan Tentera adalah menjadi Yang DiPertua Koperasi ini.

(2) Panglima Tentera Darat, Panglima Tentera Laut dan Panglima Tentera Udara adalah menjadi Naib-Naib Yang Dipertua Koperasi ini.

(3) Sekiranya mana-mana pegawai tersebut diatas tidak dapat menjadi Yang Dipertua atau Naib Yang Dipertua Koperasi ini, Lembaga dengan kelulusan Panglima Angkatan Tentera boleh memilih pegawai-pegawai kanan kemudian darinya untuk memegang jawatan itu.

Lembaga Koperasi

36. Lembaga Koperasi menurut seksyen 42 Akta dan perenggan (d) fasal (1) Undang-undang Kecil 32 dan menurut Perintah Koperasi (Pengecualian dan Ubahsuaian) 1995, P.U (A) 394 hendaklah terserah kepada suatu Lembaga, yang hendaklah terdiri daripada lima belas orang anggota yang dipilih dengan sewajarnya pada mesyuarat agung tahunan menurut perenggan (d) fasal (1) undang-undang kecil 32 dan menurut perenggan (a), (b), (c) fasal (1) undang-undang kecil 38 di mana empat orang daripada anggota tersebut hendaklah dicalonkan daripada setiap perkhidmatan iaitu daripada Ketua Perkhidmatan Tentera Darat, Tentera

Laut, Tentera Udara dan Kakitangan Awam. Anggota yang kelima hendaklah dipenuhi oleh Pengarah Urusan Gaji ATM. Tempoh memegang jawatan kelima-lima orang anggota tersebut adalah hanya untuk satu tahun dan mereka adalah layak untuk dilantik semula.

Kelayakan Menjadi Anggota Lembaga

37. (1) Tiada seorang pun layak menjadi anggota Lembaga atau kekal sebagai seorang anggota Lembaga, jika dia-

(a) telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta;

(b) telah dipecat sebagai seorang pekerja atau pegawai sesuatu Koperasi berdaftar;

(c) telah dilantik sebagai anggota Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Koperasi ini;

(d) ada percanggahan kepentingan diri dalam mana-mana aktiviti yang diusahakan oleh Koperasi ini; atau

(e) belum genap tempoh dua tahun menjadi anggota Koperasi ini.

Tempoh Memegang Jawatan Anggota Lembaga

38. (1) Menurut Peraturan yang telah diubahsuai menurut Perintah Koperasi (Ubahsuaian) 1995, P.U. (A) 393 –

(a) Lima orang daripada Anggota Lembaga yang dilantik daripada pencalonan Ketua Perkhidmatan Tentera Darat, Tentera Laut, Tentera Udara, Kakitangan Awam dan lantikan Pengarah UGAT di dalam tiap-tiap mesyuarat agung hendaklah mengosongkan jawatan mereka tiap-tiap tahun di mesyuarat agung tahunan;

(b) Sekurang-kurangnya satu pertiga daripada sepuluh anggota Lembaga yang telah dilantik sewajarnya di mesyuarat agung tahunan hendaklah mengosongkan jawatan mereka tiap-tiap tahun di mesyuarat agung tahunan;

(c) Aturan yang ditetapkan menurut perenggan (b) hendaklah diulangi bergilir-gilir tiap-tiap tahun bagi dua pertiga anggota Lembaga yang selainnya supaya pada permulaan tahun keempat atau lebih awal daripada itu, kesemua anggota Lembaga hendaklah telah mengosongkan jawatan masing-masing sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga tahun sebelum itu.

Dengan syarat bahawa mana-mana anggota yang mengosongkan jawatannya di bawah subperaturan ini adalah layak untuk dilantik semula.

(2) Walau apa pun Peraturan, mesyuarat agung mempunyai kuasa untuk menamatkan perlantikan kesemua atau mana-mana anggota Lembaga dengan syarat bahawa usul secara bertulis untuk menamatkan pelantikan anggota Lembaga itu telah diterima oleh Koperasi sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum mesyuarat agung diadakan.

(3) Kekosongan jawatan anggota Lembaga hendaklah dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh kekosongan itu diisi oleh Lembaga dengan melantik mana-mana anggota yang berkelayakan tertakluk kepada undang-undang kecil 37. Anggota yang dilantik demikian hendaklah berkhidmat sehingga mesyuarat agung akan datang.

(4) Pelantikan seseorang anggota Lembaga yang dibuat menurut subsubperenggan 69(1)(iv)(B) Akta tidak tertakluk kepada perenggan (c) fasal (1).

Lucut dan Penggantungan Jawatan Anggota Lembaga

39. (1) Seseorang anggota Lembaga akan lucut jawatannya dengan serta-merta jika dia-

(a) disabitkan atas kesalahan boleh daftar atau kesalahan menurut Akta atau Peraturan;

(b) menerima apa-apa pelantikan tetap yang bergaji dalam Koperasi ini;

(c) tidak hadir di dalam mesyuarat Lembaga tiga kali berturut-turut, melainkan dengan sebab-sebab yang boleh diterima oleh Lembaga yang telah dimaklumkan terlebih dahulu; atau

(d) hilang kelayakan sebagai anggota, menurut undang-undang kecil 20.

(2) Seseorang anggota Lembaga hendaklah digantung dari jawatannya jika-

(a) sesuatu langkah perbicaraan diambil terhadap anggota itu mengenai sesuatu kesalahan boleh daftar atau sesuatu kesalahan menurut subseksyen 47(1) Akta; atau

(b) majoriti anggota Lembaga berpuas hati bahawa anggota itu telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan Koperasi ini, menurut Peraturan dan anggota itu telah diberi peluang untuk didengar di mesyuarat Lembaga.

(3) Tiap-tiap kes penggantungan menurut perenggan (b) fasal (2), hendaklah-

(a) didengar oleh mesyuarat agung yang terawal diadakan selepas penggantungan itu;

(b) anggota itu telah diberitahu secara bertulis akan kesalahannya dalam masa tujuh hari sebelum diadakan mesyuarat agung;

(c) anggota itu diberi peluang membela diri dalam mesyuarat agung tersebut;

(d) keputusan penggantungan anggota tersebut hendaklah tertakluk kepada pengesahan atau pengetepian oleh majoriti anggota yang hadir di dalam mesyuarat agung itu; dan

(e) mana-mana anggota Lembaga yang digantung di bawah subperaturan (1) Peraturan 21 hendaklah, mulai dari tarikh penggantungan itu, berhenti menjalankan segala kewajipan dan tanggungjawab sebagai anggota Lembaga Koperasi dan dia tidak berhak untuk menerima apa-apa elaun selama tempoh penggantungan itu.

(4) Anggota yang dilucutkan atau digantung jawatannya hendaklah dengan serta-merta diberitahu secara bertulis dan, menurut Peraturan, hendaklah dengan segera berhenti daripada menjalankan segala hak dalam pengurusan atau pentadbiran hal-ehwal Koperasi ini.

Penamatan Pelantikan Anggota Lembaga

40. (1) Walau apa pun peruntukan fasal (1) undang-undang kecil 38, mesyuarat agung hendaklah mempunyai kuasa menurut Peraturan dan Perintah Koperasi (Ubahsuaian) 1995, P.U (A) 393, untuk menamatkan pelantikan mana-mana atau kesemua anggota Lembaga yang dipilih di bawah undang-undang kecil 36 daripada jawatannya pada bila-bila masa dan memilih gantinya atau anggota-anggota Lembaga yang baru, menurut seksyen 42 Akta dan Perintah Koperasi (Pengecualian dan Ubahsuaian) 1995, P.U. (A) 394, dengan syarat bahawa usul secara bertulis untuk menamatkan pelantikan anggota lembaga itu hendaklah disampaikan kepada Koperasi sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum mesyuarat agung itu diadakan.

(2) Keputusan untuk menamatkan pelantikan seseorang atau kesemua anggota Lembaga hanya boleh dibuat selepas mesyuarat agung itu mendengar penjelasan anggota atau anggota Lembaga yang terlibat.

(3) Anggota Lembaga yang ditamatkan pelantikannya menurut undang-undang kecil ini tidak boleh dilantik semula sehingga mesyuarat agung tahunan yang akan datang.

Mesyuarat Lembaga

41. (1) Mesyuarat Lembaga pertama hendaklah-

(a) diadakan sebaik sahaja selesai mesyuarat agung tahunan; dan

(b) melantik di kalangan anggota Lembaga seorang pengerusi, naib pengerusi, setiausaha dan bendahari.

(2) Mesyuarat Lembaga yang berikutnya hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga bulan atau lebih kerap lagi jika perlu.

(3) Mesyuarat Lembaga hendaklah juga diadakan sekiranya-

(a) Suruhanjaya mengeluarkan arahan; atau

(b) jika empat orang anggota Lembaga membuat permintaan bertulis menyatakan perkara-perkara yang hendak dibincangkan.

(4) Keputusan mesyuarat anggota Lembaga adalah sah walaupun-

(a) ketidakhadiran mana-mana Lembaga;

(b) terdapat kecacatan yang kemudiannya diketahui dalam pelantikan atau kelayakan mana-mana Lembaga atau pembentukan Lembaga;

(c) terdapat peninggalan, kecacatan atau salah aturan mesyuarat; atau

(d) kehadiran atau penyertaan seseorang yang bukan anggota Lembaga seperti yang diluluskan atau dipersetujui oleh Lembaga.

(5) Lembaga boleh mengundang mana-mana orang ke mesyuarat-

(a) untuk memberi nasihat berkenaan dengan apa-apa perkara yang dibincangkan;

(b) orang tersebut tidak boleh mengundi; dan

(c) boleh dibayar elaun atau perbelanjaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

Kuorum Mesyuarat Lembaga

42. Kuorum mesyuarat Lembaga hendaklah seramai lapan daripada jumlah anggota-anggota Lembaga menurut undang-undang kecil 36.

Urusan Mesyuarat Lembaga

43. Urusan mesyuarat Lembaga hendaklah termasuk yang berikut:

(a) mengesahkan minit mesyuarat Lembaga terdahulu;

(b) membincangkan perkara berbangkit;

(c) mengkaji serta membincangkan, menimbang dan di mana berkenaan memutuskan perkara-perkara berikut:

(i) keputusan-keputusan mesyuarat agung dan menentukan tindakan-tindakan;

(ii) laporan Jawatankuasa Audit Dalaman;

(iii) laporan pengurusan;

(iv) permohonan menjadi anggota Koperasi;

(v) permohonan berhenti daripada menjadi anggota; dan

(vi) permohonan pembiayaan Islam dan/atau kemudahan kredit daripada anggota dan menambah atau mengurangkan ansuran pembiayaan dan/atau kemudahan kredit daripada anggota;

(vii) permohonan menambah atau mengurangkan ansuran pinjaman; dan

(viii) permohonan menambah atau mengurangkan caruman yuran atau syer.

(d) membentang dan meluluskan kedudukan kewangan bulanan;

(e) mengkaji, membincang dan memutuskan projek Koperasi;

(f) mengkaji, membincang dan memutuskan cadangan projek-projek baru;

(g) mengkaji, membincang dan memutuskan-

(i) perkara-perkara perjawatan;

(ii) program latihan pekerja; dan

(iii) program pendidikan anggota.

(h) melantik Jawatankuasa Audit Dalaman di kalangan anggota menurut undang-undang kecil 51; dan

(i) menjalankan apa-apa urusan lain dengan memberi notis tidak kurang daripada tujuh hari telah diberikan.

Undi Anggota Lembaga

44. (1) Semua usul dan cadangan hendaklah diputuskan dengan majoriti mudah undi anggota Lembaga yang hadir.

(2) Jika bilangan undi sama banyak, maka usul atau cadangan yang diundi itu tidak diterima.

(3) Seseorang anggota Lembaga tidak boleh mengundi dalam perkara mengenai dirinya sendiri atau ia ada kepentingan peribadi.

(4) Seseorang anggota Lembaga yang ada kepentingan peribadi dalam perkara yang akan dipertimbangkan oleh mesyuarat hendaklah mengisytiharkan sepenuhnya kepada Lembaga mengenai penglibatan atau kepentingannya dalam perkara itu.

Buku Minit Mesyuarat Lembaga

45. (1) Semua keputusan mesyuarat Lembaga hendaklah-

(a) diminitkan dalam tempoh tujuh hari;
(b) ditandatangan oleh setiausaha mesyuarat itu; dan
(c) diedarkan kepada anggota Lembaga dalam tempoh empat belas hari.

(2) Minit yang telah disahkan dalam mesyuarat berikutnya hendaklah ditandatangan oleh pengerusi mesyuarat tersebut.

(3) Minit bagi sesuatu mesyuarat Lembaga hendaklah diserahkan-

(a) kepada Suruhanjaya menurut subseksyen 14(1)(c) Akta; dan

(b) dalam tempoh tiga puluh hari selepas tarikh mesyuarat itu.

Kuasa dan Kewajipan Lembaga

46. (1) Lembaga bertanggungjawab untuk memastikan pentadbiran dan pengurusan Koperasi dikendalikan dengan teratur, menurut subseksyen 44(1) Akta.

(2) Bagi melaksanakan tanggungjawab menurut fasal (1), Lembaga hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan yang berikut:

(a) melantik seorang pengerusi, naib pengerusi, setiausaha dan bendahari di kalangan anggotanya di dalam mesyuarat Lembaga yang diadakan menurut perenggan (b) fasal (1) undang-undang kecil 41

(b) mengemukakan suatu senarai anggota Lembaga yang mengandungi butir-butir berikut:

(i) nama;
(ii) alamat kediaman;
(iii) nombor kad pengenalan;
(iv) tarikh keanggotaan;
(v) pekerjaan; dan
(vi) jawatan dalam Koperasi,

dalam tempoh lima belas hari selepas mesyuarat agung tahunannya kepada Suruhanjaya menurut subseksyen 14(l)(a) Akta. Apa-apa perubahan

tentang butir-butir berkenaan hendaklah dimaklumkan kepada Suruhanjaya secara bertulis dalam tempoh lima belas hari dari tarikh berlakunya perubahan tersebut;

(c) menimbang dan menerima permohonan keanggotaan;

(d) meluluskan dan mengesahkan pemindahan dan penebusan syer anggota;

(e) melantik-

(i) seorang pegawai yang bergaji tetap; atau

(ii) sebuah firma,

bagi menjalankan mana-mana daripada tugas setiausaha, jika perlu, dengan syarat pegawai yang dilantik itu tidak boleh menjadi anggota Lembaga;

(f) menyenggara akaun bagi wang yang diterima dan yang dibelanjakan atas nama Koperasi dengan benar dan betul;

(g) menyenggara akaun bagi aset dan liabiliti Koperasi dengan benar dan betul;

(h) membenarkan perbelanjaan, menyemak dan mengawasi semua akaun, buku daftar serta dokumen Koperasi yang disenggara, diuruskan dengan sempurna dan dikemaskinikan;

(i) membentangkan kepada mesyuarat agung tahunan-

(i) akaun perdagangan;
(ii) akaun untung rugi;
(iii) apa-apa penyata sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya;
(iv) kunci kira-kira;
(v) laporan Lembaga menurut subseksyen 59(3 Akta;
(vi) laporan juruaudit; dan
(vii) pandangan Suruhanjaya tentang akaun dan kunci kira-kira, jika ada;

bagi Koperasi dan subsidiari;

(j) membuat perakuan pembahagian keuntungan bersih dan/atau pengisytiharan syer bonus Koperasi, jika ada kepada mesyuarat agung tahunan;

(k) mengambil tindakan sewajarnya ke atas penyata dan surat arahan Suruhanjaya atau wakilnya;

(l) membentang laporan Jawatankuasa Audit Dalaman dalam mesyuarat agung tahunan;

(m) memenuhkan jawatan kosong yang berlaku di dalam Lembaga, menggantung keanggotaan anggota dan anggota Lembaga serta menyingkirkan keanggotaan menurut fasal (2) undang-undang kecil 21 dan melucutkan jawatan anggota Lembaga;

(n) memanggil mesyuarat agung menurut Undang-undang Kecil;

(o) membuat perjanjian bagi mendapatkan pembiayaan tertakluk kepada kelulusan mesyuarat agung;

(p) mengeluarkan surat rasmi yang mengandungi terma dan syarat perkhidmatan iaitu melantik, menggantung, membuang kerja, menetapkan kewajipan pekerja-pekerja termasuk pengurus, menetapkan gaji dan bayaran-bayaran lain bagi mereka dan mendapatkan jaminan yang cukup bagi kesempurnaan menjalankan kewajipan mereka;

(q) bertindak atas nama dan bagi pihak Koperasi atau melantik seseorang wakil bagi menyelesaikan segala pertikaian Koperasi atau menjalankan dan memberhentikan mana-mana tindakan mahkamah;

(r) melabur wang berlebihan menurut keputusan mesyuarat agung dan tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan;

(s) mengkaji dan merancang projek yang memberi manfaat kepada anggota dan Koperasi dengan melaksanakan projek mengikut keputusan mesyuarat agung;

(t) menjalankan rancangan atau projek dan mempelawa dan anggota Koperasi ini untuk-

(i) mengambil bahagian dalam pelaksanaan projek;

(ii) dengan menyumbangkan modal tambahan atau simpanan khas dan lain-lain sebagaimana yang dipersetujui;

(u) memasuki perjanjian bagi pihak Koperasi dan dimeterai dengan mohor Koperasi serta ditandatangani oleh dua orang terdiri daripada pengerusi atau naib pengerusi atau seorang anggota lembaga dan setiausaha atau bendahari atau seorang pegawai yang bergaji, atau seperti yang ditetapkan oleh Lembaga;

(v) melantik wakil di kalangan anggotanya untuk menghadiri mesyuarat mana-mana koperasi yang dianggotainya;

(w) menubuhkan jawatankuasa, jika perlu, bagi menjalankan aktiviti Koperasi dengan sempurnanya dan mewakilkan kuasa kepadanya dari semasa ke semasa mengikut keputusan Lembaga;

(x) membuat aturan aktiviti dari semasa ke semasa bagi:-

(a) pelaksanaan aktiviti kredit Koperasi tertakluk kepada perenggan (b) fasal (3) undang-undang kecil 9 dan dimaklumkan dalam mesyuarat agung; dan

(b) pelaksanaan aktiviti yang sesuai dengan kelulusan mesyuarat agung.

Satu salinannya hendaklah dikemukakan dalam tempoh tiga puluh hari kepada Suruhanjaya menurut fasal (3) undang-undang kecil 9;
(Pindaan diluluskan MAT ke 55 pada 27 Jun 2021)

(y) mencadangkan belanjawan termasuk elaun kepada anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman untuk dibentangkan di mesyuarat agung tahunan Koperasi dan saraan kepada anggota Lembaga yang dilantik sebagai pengarah bagi subsidiari Koperasi untuk dibentangkan di mesyuarat agung tahunan Koperasi;

(z) menurunkan kuasa dan kewajipan Lembaga kepada pegawai-pegawai yang bergaji tertentu bagi melaksanakan tugas dan kewajipan tersebut.

(aa) menubuhkan pejabat-pejabat cawangan di mana-mana kawasan atau negeri di dalam kawasan operasi, sebagaimana yang dianggap patut.

(bb) mengawasi kecekapan, tatatertib dan daya usaha semua pegawai dan pekerja Koperasi dalam menunaikan tugas dan tanggungjawab mereka;

(cc) memastikan kerahsiaan maklumat perniagaan Koperasi dan anggotanya terpelihara;

(dd) mengkaji, membincang, menimbang dan memutuskan perkara-perkara berkaitan aktiviti pembiayaan termasuk laporan permohonan pembiayaan, polisi dan prosedur pembiayaan, kadar pembiayaan tidak berbayar dan hutang ragu serta langkah-langkah penambahbaikan atau pemulihan dan penetapan kadar keuntungan, had dan syarat-syarat produk pembiayaan, deposit dan pelaburan dari masa ke semasa; dan

(ee) melaksanakan tugas lain sebagaimana yang ditentukan oleh Akta, Peraturan, perintah, garis panduan, arahan Suruhanjaya, Undang-undang Kecil dan mesyuarat agung dari semasa ke semasa. *(Pindaan diluluskan MAT ke 50 pada 14 Jun 2015)*

(3) Lembaga hendaklah mengisytiharkan kepentingannya berkaitan perniagaan dengan Koperasi dan tidak mengundi atau terlibat dalam perbincangan mengenai perkara di mana dia mempunyai kepentingan.

Liabiliti anggota Lembaga

47. Menurut seksyen 45 Akta, Lembaga hendaklah berhemat dan bertekun seperti ahli perniagaan yang biasa dan hendaklah bertanggungan secara bersama dan berasingan bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh Koperasi atas sebab kegagalan mereka berhemat dan bertekun sedemikian atau oleh sebab apa-apa perbuatan yang bertentangan dengan peruntukan Akta, Peraturan, perintah atau Undang-undang Kecil ini serta aturan aktiviti yang dibuat di bawahnya atau arahan mesyuarat agungnya.

Tugas Pengerusi

48. (1) Pengerusi hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:

(a) mempengerusikan semua mesyuarat Lembaga dan mesyuarat agung. Semasa ketiadaannya, naib pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat tersebut.

Sekiranya naib pengerusi juga tidak hadir maka mesyuarat hendaklah melantik salah seorang anggota Lembaga yang hadir untuk menjalankan fungsi ini;

(b) menandatangan minit mesyuarat yang disahkan dan memperakui bersama setiausaha melalui satu akuan yang bertarikh dan ditandatangani, cabutan dan salinan dari rekod Koperasi, menurut Peraturan;

(c) memanggil sendiri atau melalui setiausaha, mesyuarat Lembaga bila perlu;

(d) mengarahkan Jawatankuasa Audit Dalaman supaya memeriksa buku, rekod dan dokumen Koperasi pada bila-bila masa dan melaporkan kepada Lembaga;

(e) menandatangan bersama dua anggota Lembaga permohonan pendaftaran kepada pindaan Undang-undang Kecil dan dokumen lain yang berkaitan; dan

(f) menyelia secara am pentadbiran, hal-ehwal dan pekerja Koperasi.

(2) Tugas pengerusi menurut perenggan (a) dan (b) fasal (1) boleh diamanahkan kepada mana-mana anggota Lembaga, jika perlu.

Tugas Setiausaha

49. (1) Setiausaha hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:

(a) memanggil dan menghadiri mesyuarat agung, mesyuarat Lembaga dan mesyuarat jawatankuasa dan menyampaikan segala laporan dan dokumen untuk pertimbangan mesyuarat-mesyuarat itu;

(b) merekodkan perjalanan dan keputusan sesuatu mesyuarat;

(c) menyenggara dengan betul dan mengemaskinikan semua daftar anggota, daftar penama, buku dan laporan yang dikehendaki oleh Lembaga;

(d) menguruskan surat-menyurat sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga;

(e) mengesahkan bersama pengerusi salinan segala perkara yang bertulis di dalam buku Koperasi;

(f) menyimpan dan menjaga dengan selamatnya mohor Koperasi; dan

(g) menjalankan tugas lain yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

(2) Tugas setiausaha di bawah fasal (1) undang-undang kecil ini, boleh diamanahkan kepada pengurus atau pekerja jika dilantik tertakluk kepada persetujuan Lembaga.

Tugas Bendahari

50. (1) Bendahari hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:

(a) mengendalikan segala urusan perdagangan dan perindustrian Koperasi mengikut dasar yang ditetapkan oleh Lembaga;

(b) menerima dan menjaga semua wang yang diterima oleh Koperasi dan membuat pembayaran mengikut arahan Lembaga;

(c) menyimpan ke dalam bank atas nama Koperasi semua wang yang diterima dalam tempoh dua puluh empat jam hari bekerja daripada penerimaannya;

(d) mengeluarkan resit, menyediakan baucar dan surat lain mengikut arahan Lembaga;

(e) menyimpan dalam Akaun Wang Runcit, wang sebanyak yang diluluskan oleh Lembaga untuk memenuhi perbelanjaan runcit dan perbelanjaan yang dibuat daripada akaun ini boleh diganti seberapa kerap yang perlu;

(f) menyenggara dan menyimpan akaun Koperasi dengan sempurna dan kemaskini supaya dapat diperiksa pada bila-bila masa oleh pihak berkuasa yang berkenaan;

(g) menyediakan akaun tahunan dan laporan tahunan Koperasi untuk dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga;

(h) menyediakan belanjawan tahunan Koperasi dalam bentuk yang menunjukkan dengan jelas segala butiran pendapatan dan perbelanjaan untuk ditimbang oleh Lembaga sebelum dibentangkan dalam mesyuarat agung tahunan; dan

(i) menyediakan penyata pendapatan dan perbelanjaan Koperasi yang benar dengan secara dibutirkan satu persatu bagi sesuatu tempoh sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga untuk dibandingkan dengan belanjawan bagi tempoh berkenaan yang telah diluluskan oleh mesyuarat agung.

(2) Mana-mana tugas bendahari boleh diamanahkan kepada pengurus atau pekerja tertakluk kepada persetujuan Lembaga.

Jawatankuasa Audit Dalaman

51. Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi ini menurut subseksyen 42A(1) Akta dan menurut Perintah Koperasi (Pengecualian dan Ubahsuaian) 1995, P.U(A)394, hendaklah terdiri daripada lima orang anggota yang dilantik oleh Lembaga, menurut perenggan (h) undang-undang kecil 43.

Kelayakan Menjadi Jawatankuasa Audit Dalaman

52. Tiada seorang pun layak menjadi Jawatankuasa Audit Dalaman atau kekal sebagai seorang Jawatankuasa Audit Dalaman jika dia-

(a) telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta;

(b) telah dipecat sebagai seorang pegawai sesuatu koperasi;

(c) menjadi anggota Lembaga Koperasi ini; atau

(d) mempunyai apa-apa hutang tertunggak yang melebihi enam bulan kepada mana-mana koperasi atau institusi perbankan.

Tempoh Memegang Jawatankuasa Audit Dalaman

53. (1) Tempoh perkhidmatan semua anggota Jawatankuasa Audit Dalaman ini adalah satu tahun atau sehingga mesyuarat agung akan datang, mana yang terdahulu dan perkhidmatan mereka boleh disambung semula setelah diputuskan oleh mesyuarat Lembaga.

(2) Kekosongan dalam Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah diisi oleh Lembaga dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh pengosongan jawatan dengan melantik mana-mana anggota yang layak.

Kuasa dan kewajipan Jawatankuasa Audit Dalaman

54. (1) Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah mempunyai kuasa untuk memeriksa segala rekod perakaunan dan rekod lain yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan Koperasi dan subsidiarinya, jika ada, bagi memastikan hal-ehwal Koperasi dijalankan mengikut matlamat penubuhan, Undang-undang Kecil serta keputusan mesyuarat agung.

(2) Jawatankuasa Audit Dalaman pada setiap masa, mempunyai akses kepada segala buku, akaun dan dokumen Koperasi ini dan mempunyai kuasa memanggil mana-mana orang yang dikehendakinya supaya mengemukakan atau menyerahkan apa-apa maklumat atau buku, akaun dan dokumen yang berkaitan.

(3) Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:

(a) memastikan adanya kuasa dan kesahan bagi segala perbelanjaan;

(b) memeriksa akaun-akaun Koperasi pada lat-lat masa yang tetap dan tidak boleh kurang daripada sekali dalam tempoh tiga bulan;

(c) memberitahu Lembaga apa-apa ketakselarasan yang berlaku dalam pengurusan Koperasi dengan serta-merta; dan

(d) mengemukakan kepada Lembaga laporan mengenai pengurusan dan hal-ehwal Koperasi termasuk pelanggaran terhadap Akta, Peraturan atau Undang-undang Kecil.

(4) Jawatankuasa Audit Dalaman, tertakluk kepada kelulusan Lembaga dibayar elaun yang sewajarnya atas khidmat yang diberikan kepada Koperasi.

(5) Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah-

(a) bersidang tidak kurang daripada dua kali setahun; dan

(b) mengemukakan laporan bertulis kepada Lembaga dan Suruhanjaya.

BAHAGIAN VI

ASET DAN WANG KOPERASI

Wang dan kumpulan wang Koperasi

55. (1) Wang dan kumpulan wang Koperasi boleh mengandungi-

(a) fi masuk, syer dan yuran anggota;

(b) simpanan khas daripada anggota-anggota dan bukan anggota dan juga daripada orang belum dewasa;

(c) pembiayaan atau deposit daripada anggota dan bukan anggota;

(d) Kumpulan Wang Rizab Statutori;

(e) Akaun Rizab Modal;

(f) Kumpulan Wang Penebusan Syer;

(g) derma dan pemberian tertentu;

(h) baki keuntungan terkumpul; dan

(i) kumpulan wang lain yang diluluskan oleh mesyuarat agung; dan

(j) pinjaman daripada mana-mana institusi kewangan yang berlesen, atau koperasi sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.
(Pindaan diluluskan MAT ke 55 pada 27 Jun 2021)

(2) Kumpulan wang Koperasi selain daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori boleh digunakan bagi melaksanakan aktiviti menurut fasal (1) undang-undang kecil 9.

(3) Bagi maksud fasal 1(j) undang-undang kecil 55, "institusi kewangan yang berlesen" ertinya –

(a) suatu bank yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758];

(b) suatu bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759]; dan

(c) suatu institusi yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [Akta 618].
(Pindaan diluluskan MAT ke 55 pada 27 Jun 2021)

Modal Syer

56. (1) Menurut subseksyen 50(b) Akta, setiap anggota hendaklah melanggan sekurang-kurangnya RM100.00 (Ringgit: Satu Ratus) syer sebagai sumbangan minimum dan hendaklah dijelaskan dalam satu bayaran. Syer minimum ini tidak boleh dikeluarkan kecuali selepas keanggotaan anggota itu tamat.

(2) Tiap-tiap anggota boleh menambah syernya dari semasa ke semasa mengikut persetujuan Lembaga tertakluk kepada had maksima tidak melebihi satu perlima daripada jumlahnya, pada bila-bila masa menurut seksyen 33 Akta.

(3) Mana-mana anggota yang gagal melanggan syer menurut fasal (1) hendaklah disingkirkan.

(4) Syer anggota koperasi tidak boleh disandarkan kepada Koperasi itu oleh anggotanya sebagai cagaran bagi suatu pembiayaan.

Modal Yuran

57. (1) Yuran bulanan anggota seperti yang diperuntukkan menurut subseksyen 50(c) Akta hendaklah sekurang-kurangnya RM30.00 (Ringgit: Tiga puluh) sebulan sebagai yurannya terhadap modal Koperasi ini. Tiap-tiap anggota boleh membuat bayaran yuran yang lebih mengikut aturan jimat-cermat dan pinjam-meminjam yang dibuat oleh Lembaga dengan kelulusan mesyuarat agung.

(2) Modal yuran anggota yang dicarum dibawah undang-undang kecil ini tidak boleh dikeluarkan kecuali bagi menyelesaikan akaun pembiayaan yang tertunggak atau dalam keadaan-keadaan tertentu yang ditetapkan oleh Koperasi atau kerana keanggotaan terhenti di bawah undang-undang kecil ini dan nilai modal

yuran yang dikeluarkan itu tidak boleh lebih daripada nilai yang telah diterima oleh Koperasi ini.
(Pindaan diluluskan MAT ke 55 pada 27 Jun 2021)

(3) Modal yuran boleh dijadikan cagaran atas pembiayaan sendiri tertakluk kepada aturan-aturan pembiayaan yang telah diluluskan oleh mesyuarat agung.

(4) Jika pada bila-bila masa Lembaga berpendapat bahawa kedudukan kewangan Koperasi ini akan tergendala disebabkan oleh pengeluaran modal yuran maka Lembaga boleh dengan suatu keputusan menahan hak mengeluarkan modal yuran, tetapi keputusan sedemikian hendaklah tertakluk kepada pengesahan oleh mesyuarat agung yang akan datang dengan syarat tempoh penahanan ini tidak boleh lebih daripada enam bulan daripada tarikh pengesahannya dan penahanan ini tidaklah dikenakan dalam perkara pemberhentian anggota menurut undang-undang kecil 21.

Simpanan khas, deposit atau Pembiayaan

58. (1) Koperasi boleh menerima daripada anggotanya-

(a) simpanan khas seperti yang ditetapkan dalan aturan-aturannya dan wang ini boleh dikeluarkan dar semasa ke semasa; atau

(b) deposit dan pembiayaan.

(2) Koperasi boleh, dengan kelulusan Suruhanjaya, menerima deposit atau pembiayaan daripada bukan anggota Koperasi.

(3) Fasal (2) tidak terpakai kepada deposit atau pembiayaan yang diberikan oleh kerajaan.

(4) Pada setiap mesyuarat agung tahunan, Koperasi hendaklah-

(a) memberitahu anggotanya mengenai pembiayaan daripada anggota menurut subseksyen 52(3) Akta; dan

(b) menetapkan had maksimum keterhutangan yang sedia ada dan yang baru akan ditanggung dalam tahun akan datang.

Pindahan syer

59. (1) Seseorang anggota boleh dengan kebenaran Lembaga memindahkan syernya yang melebihi sumbangan minimum menurut fasal (1) undang-undang kecil 56 kepada anggota lain dengan menandatangan borang pemindahan syer.

(2) Pindahan syer tersebut hanya akan berkuatkuasa setelah didaftarkan oleh Koperasi.

(3) Syer seseorang anggota yang mati boleh dipindahkan kepada penama. Bagi anggota Muslim, pemindahan tersebut hendaklah menurut fasal (1) undang-undang kecil 18.

(4) Pemindahan syer tersebut hendaklah dibuat dalam tempoh enam bulan selepas kematian anggota itu.

Penyelesaian Modal Syer

60. (1) Jika pemindahan syer tidak dapat dibuat menurut undang-undang kecil 59, bagi seseorang anggota yang tamat keanggotaannya oleh apa-apa sebab jua pun, Koperasi ini bolehlah tertakluk kepada fasal (2) undang-undang kecil ini menebus syer-syer anggota yang berhenti atau yang mati itu.

(2) Syer boleh ditebus dari Kumpulan Wang Penebusan Syer dan Kumpulan Wang Rizab Statutori tertakluk kepada Peraturan. Nilai tebusan syer ini hendaklah mengikut sebagaimana yang ditunjukkan dalam akaun teraudit terakhir bagi Koperasi akan tetapi tidak boleh melebihi nilai asalnya.

(3) Syer yang ditebus menurut fasal (2) undang-undang kecil ini boleh jika diluluskan oleh mesyuarat agung, diterbitkan semula sebagai syer bonus.

Keuntungan Modal

61. (1) Menurut subseksyen 55 (1) Akta, semua keuntungan modal yang diperolehi daripada perkara-perkara berikut hendaklah dikreditkan ke Akaun Rizab Modal –

(a) penjualan tanah atau bangunan, atau kedua-duanya sebagai aset tetap; dan

(b) penilaian semula tanah atau bangunan, atau kedua- duanya, sebagai aset tetap, dengan kelulusan Suruhanjaya.

(2) Keuntungan modal yang disebutkan menurut perenggan (a) fasal (1) undang-undang kecil ini boleh, jika diluluskan oleh mesyuarat agung, digunakan bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

(a) penerbitan syer bonus;

(b) penghapusan kira kerugian terkumpul;

(c) penghapusan kira kerugian modal; dan

(d) pewujudan suatu Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus.

(3) Syer bonus boleh diterbitkan menurut Peraturan berasaskan kepada-

(a) jumlah syer yang dipegang oleh tiap-tiap anggota; atau

(b) penerbitan semula daripada syer bonus yang ditebus, dengan syarat:

(i) syer menurut perenggan (a) dan (b), dipegang dalam tempoh masa dua belas bulan sebelum tarikh pengisytiharan syer bonus;

(ii) nama anggota yang akan menerima syer itu ada dalam daftar Koperasi pada tarikh pengisytiharan syer bonus itu;

(iii) semua kerugian terkumpul dan semasa telah dihapuskira; dan

(iv) buku dan rekod Koperasi telah disenggara dengan memuaskan menurut pendapat Suruhanjaya.

(4) Syer bonus yang diterbitkan daripada keuntungan modal menurut perenggan (b) fasal (1) boleh dengan kelulusan Lembaga-

(a) dipindahkan kepada anggota lain Koperasi ini; atau

(b) dikeluarkan dalam hal anggota yang tamat keanggotaan atau anggota yang mati.

(5) Pemindahan atau pengeluaran menurut fasal (4) dibayar daripada Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus Koperasi.

Kumpulan Wang Rizab Statutori

62. (1) Koperasi ini hendaklah menyenggarakan satu Kumpulan Wang Rizab Statutori menurut subseksyen 57(1) Akta.

(2) Koperasi hendaklah memindahkan suatu jumlah wang ke Kumpulan Wang Rizab Statutori berdasarkan jadual di bawah:

Jumlah Terkumpul Kumpulan Wang Rizab Statutori	Jumlah Pindahan
Kurang daripada 50% daripada syer dan yuran	Tidak kurang 25% daripada untung bersih teraudit
50% tetapi kurang daripada 100% daripada syer dan yuran	Tidak kurang 15% daripada untung bersih teraudit

(Pindaan diluluskan MAT ke 55 pada 27 Jun 2021)

(3) Kumpulan Wang Rizab Statutori tidak boleh dibahagi dan tidak seorang pun anggota berhak untuk menuntut suatu bahagian tertentu daripadanya.

(4) Koperasi boleh membuat pembayaran balik syer dan yuran daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori, dan pada setiap masa baki dalam kumpulan wang

tersebut hendaklah tidak kurang daripada lima belas peratus daripada jumlah syer dan yuran Koperasi berkenaan.

Simpanan Khas

63. Koperasi boleh menurut subseksyen 50(d) Akta, menerima simpanan khas tertakluk kepada terma dan syarat-syarat yang dibuat menurut fasal (4) undang-undang kecil 9.

Pembiayaan Luar

64. (1) Tertakluk kepada subseksyen 52(2) Akta, seksyen 52A Akta dan Peraturan, Koperasi boleh, dengan kelulusan Suruhanjaya, meminjam wang daripada orang yang bukan anggota Koperasi untuk digunakan bagi maksud yang khas dalam perniagaannya.

(2) Koperasi ini hendaklah memaklumkan kepada anggotanya mengenai pembiayaan menurut fasal (1) pada mesyuarat agung tahunannya.

Pelaburan Wang

65. (1) Wang berlebihan Koperasi boleh dilabur tertakluk kepada peruntukan seksyen 54 Akta dan Peraturan.

(2) Had maksimum yang boleh dilaburkan oleh Koperasi bagi sesuatu maksud hendaklah ditentukan oleh mesyuarat agung.

Pemberian Pembiayaan oleh Koperasi

66. (1) Menurut seksyen 51 Akta, Koperasi boleh memberi apa-apa pembiayaan Islam atau kemudahan kredit lain kepada-

(a) anggotanya, tertakluk kepada terma dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam aturan produk pembiayaan yang diluluskan oleh Lembaga;

(b) pekerjanya, termasuk Ketua Pegawai Eksekutif tertakluk kepada terma dan syarat-syarat guna khidmat mereka; atau

(c) subsidiarinya atau koperasi lain, tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya.

(Pindaan diluluskan MAT ke 55 pada 27 Jun 2021)

(2) Koperasi boleh memberi apa-apa pembiayaan Islam atau kemudahan kredit lain kepada bukan anggota tertakluk kepada terma dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam aturan produk pembiayaan yang diluluskan oleh Lembaga dan pindaannya dari semasa ke semasa, tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya.

(Pindaan diluluskan MAT ke 51 pada 29 Mei 2016)

Pengagihan Untung Bersih Teraudit

67. (1) Keuntungan bersih teraudit Koperasi ini seperti yang ditunjukkan dalam akaun untung rugi menurut seksyen 56 Akta, hendaklah diagihkan, tertakluk kepada seksyen 57 Akta, seperti berikut:

(a) sebanyak mana yang ditentukan menurut fasal (2) undang-undang kecil 62 kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori; dan

(b) sebanyak mana yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Suruhanjaya dibayar kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi.

Disyaratkan bahawa menurut subseksyen 57(4) Akta, boleh ditolak apa-apa bayaran yang dibuat menurut perenggan (b) fasal (1) daripada jumlah wang menurut perenggan (a) fasal (1).

(2) Selepas pengagihan menurut fasal (1), dan peruntukan cukai pendapatan, jika ada, baki untung bersih teraudit, termasuk baki keuntungan yang belum dibahagikan menurut subseksyen 57(5) Akta, boleh digunakan bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

(a) pembayaran potongan langganan;

(b) pembayaran dividen atas syer dan yuran anggota sebagaimana yang ditentukan oleh arahan atau garis panduan;

(c) pembayaran honorarium kepada anggota Lembaga yang tidak boleh, bagaimanapun, melebihi jumlah wang yang disyorkan oleh mesyuarat agung tahunan dan diluluskan oleh Suruhanjaya; atau

(d) peruntukan sebanyak tidak lebih sepuluh peratus daripada untung bersih teraudit bagi apa-apa maksud pembayaran kebajikan anggotanya dan masyarakat.

(e) peruntukan kepada kumpulan wang lain yang diwujudkan menurut fasal (1) undang-undang kecil 55.

(3) Pembayaran dividen daripada mana-mana sumber selain untung bersih teraudit bagi tahun kewangan itu tidak boleh dibuat kecuali dengan mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Suruhanjaya, yang tidak boleh dalam mana-mana hal melebihi apa-apa kadar maksimum sebagaimana yang ditentukan dalam arahan atau garis panduan.

(4) Menurut subseksyen 57(7) Akta, bayaran kepada perkara-perkara menurut perenggan (b) fasal (1), fasal (2) dan (3) undang-undang kecil ini, boleh dibuat hanya jika semua kerugian terkumpul telah dihapuskira sepenuhnya.

(5) Dengan kelulusan Suruhanjaya, Koperasi ini boleh, sekiranya kerugian terkumpul tidak dihapuskira sepenuhnya, menggunakan untung bersih terauditnya untuk pembayaran dividen kepada anggotanya yang tidak boleh

melebihi lima peratus daripada jumlah syer atau yuran anggota atau kedua-duanya, menurut subseksyen 57(8) Akta.

Dividen dan Potongan Langganan

68. (1) Kadar dividen yang dibayar atas syer dan yuran kepunyaan setiap anggota yang telah menyertai Koperasi sekurang-kurangnya enam bulan sebelum akhir tahun kewangan berkenaan, menurut Peraturan, hendaklah tidak melebihi sepuluh peratus kecuali dengan kelulusan Suruhanjaya. Seseorang yang namanya ada di dalam daftar nama anggota Koperasi di dalam tahun kewangan yang berkenaan adalah layak menerima dividen.

(2) Pengiraan dividen hendaklah atas baki syer dan yuran terendah bulanan anggota yang dipuratakan mengikut tempoh keanggotaan dalam tahun kewangan berkenaan.

(3) Tertakluk kepada fasal (4) undang-undang kecil 68, dividen hendaklah dikreditkan ke akaun simpanan khas anggota sekiranya anggota itu tidak meminta dibayar kepadanya secara tunai dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh dividen itu diisytiharkan.

(4) Potongan langganan boleh diberi kepada seseorang anggota menurut seksyen 57 (5) (a) dan 57 (6) Akta dan seperti yang diputuskan oleh Lembaga dari semasa ke semasa dalam tahun kewangan yang berkenaan.
(Pindaan diluluskan MAT ke 51 Pada 29 Mei 2016)

BAHAGIAN VII

AKAUN DAN AUDIT

Tahun Kewangan

69. Tahun kewangan Koperasi ini bermula pada satu haribulan Januari dan berakhir pada tiga puluh satu haribulan Disember setiap tahun.

Penyenggaraan Akaun

70. (1) Menurut seksyen 58 Akta, Lembaga hendaklah menyenggara dengan sempurna dan kemaskini rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain mengenai tiap-tiap transaksi dan kedudukan kewangan Koperasi dan subsidiarinya, jika ada, yang berkaitan dengan-

(a) aset tetap, pelaburan dan deposit;

(b) syer, yuran serta simpanan khas yang dicarum oleh anggota; dan

(c) aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

(2) Catatan dalam rekod perakaunan dan rekod-rekod lain menurut fasal (1) hendaklah dibuat dengan seberapa segera tetapi tidak lewat daripada tiga puluh hari dari selesai sesuatu transaksi, menurut subseksyen 58(2) Akta.

(3) Penyediaan akaun-akaun iaitu akaun perdagangan, untung rugi dan kunci kira-kira bagi sesuatu tahun kewangan hendaklah dibuat dengan seberapa segera tetapi tidak lewat daripada dua bulan selepas tamatnya sesuatu tahun kewangan supaya akaun-akaun itu dapat diaudit dan dibentangkan di dalam mesyuarat agung tidak lewat daripada enam bulan selepas tamatnya tahun kewangan itu.

(4) Rekod perakaunan menurut fasal (1) hendaklah disimpan-

(a) di pejabat berdaftar Koperasi pada sepanjang masa atau di mana-mana tempat lain yang difikirkan patut oleh Lembaga, menurut subseksyen 58(4) Akta; dan

(b) selama enam tahun selepas diaudit menurut Peraturan.

(5) Rekod-rekod ini boleh diperiksa oleh anggota pada bila-bila masa mengikut syarat-syarat pemeriksaan yang ditetapkan oleh Lembaga.

(6) Lembaga boleh melantik mana-mana individu atau firma untuk mengemaskinikan rekod perakaunan bagi memastikan rekod tersebut dapat diaudit dalam tempoh yang ditetapkan.

(7) Suruhanjaya boleh, menurut subseksyen 58(5) Akta, dalam kes-kes tertentu memerintahkan supaya rekod-rekod perakaunan Koperasi diserahkan untuk diperiksa oleh seseorang juruaudit yang bertindak bagi pihak seseorang anggota atau pegawai.

(8) Suatu senarai terperinci butir-butir perbelanjaan Lembaga dan bayaran kepada atau bagi pihak anggota individu Lembaga dan jawatankuasa termasuk Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah dimaklumkan kepada mesyuarat agung dan dimasukkan dalam nota kepada akaun untung rugi Koperasi, menurut Peraturan.

Resit-Resit dan Baucer

71. (1) Resit-resit Koperasi hendaklah dikeluarkan bagi semua wang atau penerimaan lain seperti cek dan wang pos yang diterima. Resit-resit itu hendaklah ditandatangani oleh pegawai atau pegawai-pegawai menurut arahan-arahan yang ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

(2) Baucar hendaklah disediakan bagi setiap pembayaran yang dibuat oleh Koperasi. Baucar tersebut hendaklah ditandatangan dan disahkan oleh pegawai-pegawai yang diberi kuasa menurut arahan-arahan yang ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

Perlantikan dan Kewajipan Juruaudit

72. (1) Menurut seksyen 60(1)(a) Akta, Lembaga hendaklah melantik seorang juruaudit yang diluluskan oleh Suruhanjaya bagi mengaudit akaun Koperasi ini.

(2) Juruaudit yang dilantik menurut fasal (1) hendaklah dipilih oleh mesyuarat Lembaga daripada panel yang diluluskan oleh mesyuarat agung dan

mengemukakan satu salinan suratcara pelantikan menurut Peraturan kepada Suruhanjaya.

(3) Menurut seksyen 63 Akta, juruaudit yang dilantik berkewajipan untuk mengaudit akaun dan rekod Koperasi dan hendaklah memberi laporan mengenai penyata kewangan yang dikemukakan oleh Koperasi selepas berakhirnya tahun kewangan itu untuk perhatian Suruhanjaya serta anggota Koperasi.

Penyerahan Buku dan Dokumen Untuk Diaudit

73. Menurut Peraturan, suatu senarai buku dan dokumen Koperasi hendaklah disediakan oleh Koperasi dan diserahkan kepada juruaudit untuk ditandatangan sebagai pengakuan penerimaannya. Sesalinan senarai itu hendaklah disimpan oleh Koperasi.

Mengemukakan Penyata Kewangan dan Laporan Kepada Anggota

74. Satu salinan penyata berikut hendaklah disampaikan kepada tiap-tiap anggota tidak lewat daripada lima belas hari sebelum mesyuarat agung tahunan-

(a) akaun perdagangan;

(b) akaun untung rugi;

(c) apa-apa penyata sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya

(d) kunci kira-kira dan laporan Lembaga mengenai kedudukan hal-ehwal Koperasi dan subsidiari yang telah dikemukakan untuk mendapat pandangan Suruhanjaya, menurut subseksyen 59(2) Akta;

(e) laporan juruaudit; dan

(f) laporan Jawatankuasa Audit Dalaman.

BAHAGIAN VIII

PELBAGAI

Akaun Bank

75. Akaun bank bagi Koperasi ini hendaklah diuruskan bersama pengerusi, bendahari dan setiausaha, atau pegawai-pegawai lain yang diberi kuasa, atau mengikut aturan-aturan yang ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

Mohor Koperasi

76. (1) Koperasi hendaklah mempunyai satu mohor. Mohor ini tidak boleh dimeteraikan di atas mana-mana surat melainkan dengan keputusan Lembaga. Pengerusi atau Naib Pengerusi atau Setiausaha dan mana-mana Anggota Lembaga atau seorang pegawai bergaji lain yang diberi kuasa oleh Lembaga dikehendaki menurunkan tandatangan mereka di atas tiap-tiap surat yang hendak dimeteraikan.

(2) Dokumen yang diperbuat atas nama Koperasi sama ada dimeteraikan atau tidak, dan ditandatangan dengan sahnya oleh Pengerusi atau Naib Pengerusi atau Setiausaha dan mana-mana Anggota Lembaga atau seorang pegawai bergaji lain yang diberi kuasa oleh Lembaga hendaklah disifatkan mengikat ke atas Koperasi sehingga sebaliknya dibuktikan.

Pertukaran Alamat Anggota

77. Tiap-tiap anggota hendaklah memberitahu Koperasi akan pertukaran alamatnya dalam tempoh tiga puluh hari. Semua surat kepada anggota yang dihantar dengan pos atau dikirimkan kepada alamatnya yang terakhir hendaklah dianggap sebagai telah disampaikan.
(Pindaan diluluskan MAT ke 55 pada 27 Jun 2021)

Penyediaan Dokumen Untuk Diperiksa

78. (1) Menurut seksyen 13 Akta, Koperasi hendaklah menyediakan perkara berikut yang terbuka untuk diperiksa oleh anggota Koperasi sahaja tanpa apa-apa bayaran, pada masa-masa yang munasabah di alamat berdaftar Koperasi-

(a) suatu salinan Akta dan Peraturan atau perintah, arahan atau garis panduan;

(b) suatu salinan Undang-undang Kecil dan akaun teraudit yang terakhir;

(c) suatu senarai anggota;

(d) suatu senarai anggota Lembaga;

(e) nama Ketua Pegawai Eksekutif, jika ada; dan

(f) suatu senarai pegawai Koperasi yang berkenaan dengan pengurusan Koperasi, jika ada.

(2) Koperasi hendaklah juga menyediakan aturan-aturan aktiviti untuk diperiksa oleh anggota, jika ada.

Penyerahan Tugas

79. Penyerahan tugas hendaklah dilakukan secara bertulis apabila berlaku pertukaran bagi apa-apa jawatan dalam Koperasi dan disempurnakan dalam tempoh tidak lewat daripada empat betas hari selepas berkuatkuasanya pertukaran itu.

Laporan Oleh Seseorang Yang Dilantik Mewakili Koperasi

80. (1) Seseorang yang dilantik untuk mewakili Koperasi di dalam apa-apa mesyuarat, seminar, forum atau lawatan sambil belajar atas perbelanjaan Koperasi sama ada di dalam atau di luar negeri, menurut Peraturan, hendaklah mengemukakan laporan ringkas kepada mesyuarat agung tahunan yang akan datang yang terawal diadakan bagi Koperasi.

(2) Jika orang itu gagal mengemukakan laporan, dia hendaklah membayar balik semua perbelanjaan yang telah ditanggung oleh Koperasi. Koperasi berhak mendapatkan balik setiap perbelanjaan tersebut seolah-olah ianya suatu hutang yang kena dibayar kepada Koperasi.

Pertikaian

81. (1) Segala pertikaian menurut subseksyen 82(1) Akta, yang menyentuh hal penubuhan, Undang-undang Kecil, pemilihan pegawai, perjalanan mesyuarat agung, pengurusan atau perniagaan Koperasi hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya, menurut Peraturan.

(2) Mana-mana anggota yang dibuktikan telah membuat pengaduan atau merujukkan pertikaiannya kepada mana-mana orang selain daripada Suruhanjaya hendaklah dianggap telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan Koperasi dan boleh dikenakan tindakan menurut undang-undang kecil 23.

(3) Segala pertikaian selain daripada yang dinyatakan menurut subseksyen 82(1) Akta hendaklah dirujuk kepada mesyuarat agung Koperasi untuk penyelesaian. Apa-apa pertikaian yang tidak dapat diselesaikan hendaklah diputuskan oleh Suruhanjaya dan keputusannya adalah muktamad.

Pembubaran

82. Koperasi hanya boleh dibubarkan dengan perintah Suruhanjaya.

Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil

83. (1) Undang-undang Kecil ini adalah dibuat menurut Peraturan dan hendaklah tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan. Apa-apa pindaan kepada Undang-undang Kecil ini tidak boleh dibuat melainkan dengan kehendak atau kebenaran Suruhanjaya. Aturan aktiviti tidak boleh dibuat melainkan aturan tersebut diluluskan seperti di fasal (3) undang-undang kecil 9.
(Pindaan diluluskan MAT ke 55 pada 27 Jun 2021)

(2) Apa-apa urusan Koperasi hendaklah tertakluk kepada Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil serta aturan aktiviti dan hendaklah dibaca bersekali.

Undang-undang Kecil hendaklah mengikat anggota

84. Menurut seksyen 17 Akta, Undang-undang Kecil dan Aturan-Aturan ini dan pindaannya dari semasa ke semasa hendaklah mengikat Koperasi dan anggotanya sehingga takat yang sama seolah-olah Undang-undang Kecil ini telah ditandatangani oleh tiap-tiap anggota dan mengandungi waad pada pihak tiap-tiap anggota bagi dirinya sendiri dan bagi penggantinya untuk mematuhi segala peruntukan Undang-undang Kecil ini.
(Pindaan diluluskan MAT ke 55 pada 27 Jun 2021)

Menerima deposit oleh atau bagi pihak orang belum dewasa

85. (1) Koperasi bolehlah menurut peruntukan seksyen 25 Akta, menerima deposit daripada atau bagi faedah orang-orang belum dewasa dan koperasi ini boleh membayar pulangan daripada keuntungan bersihnya atas deposit-deposit sedemikian.

(2) Apa-apa deposit yang dibuat oleh atau bagi faedah orang belum dewasa itu boleh, berserta dengan pulangan, dibayar kepada orang belum dewasa itu atau penjaga orang belum dewasa itu bagi kegunaan orang belum dewasa itu.
(Pindaan diluluskan MAT ke 55 pada 27 Jun 2021)

(3) Penerimaan mana-mana orang belum dewasa atau penjaga akan wang yang dibayar kepadanya oleh koperasi ini hendaklah menjadi pelepasan yang mencukupi bagi liabiliti koperasi berkenaan dengan wang itu.

Pemeliharaan Kerahsiaan

86. Anggota Lembaga, pegawai, pekerja, juruaudit atau mana-mana orang yang mempunyai akses kepada maklumat mana-mana anggota atau pelanggan yang diperolehi dalam melaksanakan perniagaan atau apa-apa tugas dengan Koperasi, tidak boleh menggunakannya untuk kepentingan peribadi dan tidak boleh menzahirkannya kepada mana-mana orang tanpa izin anggota atau pelanggan melainkan yang dibenarkan oleh undang-undang bertuli dan hendaklah mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 berkaitan pemeliharaan kerahsiaan.
(Pindaan diluluskan MAT ke 55 pada 27 Jun 2021)

KOPERASI TENTERA
ATURAN-ATURAN
PEMBIAYAAN BERLANDASKAN SYARIAH

ATURAN-ATURAN AM PEMBIAYAAN

1. Pembiayaan Patuh Syariah
(Pindaan diluluskan MAT ke 52 pada 30 Julai 2017)

Koperasi Tentera menawarkan kemudahan pembiayaan peribadi yang memberi satu kemudahan kewangan yang dilaksanakan mengikut konsep patuh syariah. Ia berasaskan prinsip muamalat yang dapat menghindari unsur-unsur riba. Pada masa ini produk kemudahan pembiayaan peribadi berlandaskan syariah yang ditawarkan oleh Koperasi Tentera adalah berasaskan konsep Bai Inah.

Tertakluk kepada kelulusan oleh Lembaga, Koperasi Tentera juga akan memperkenalkan dan menawarkan konsep syariah yang lain termasuklah Tawarruq bagi kemudahan pembiayaan peribadi dari semasa ke semasa.

2. Kuasa Kebenaran Atas Pembiayaan

(1) Lembaga adalah berkuasa pada keseluruhannya menolak sesuatu pembiayaan, menampan atau mengurangkan bayaran ansuran pembiayaan, sama ada dalam hal-hal umum tertentu, mengarahkan supaya pembayaran pembiayaan asas pada mana-mana pembiayaan dibayar dalam bulan atau bulan-bulan yang tertentu, menghadkan jumlah pembiayaan dan membantah anggota-anggota tertentu dari menjadi penjamin.

(2) Seseorang anggota tidak boleh menuntut sesuatu pembiayaan sebagai satu hak.

3. Mendapatkan Bayaran Pembiayaan Dengan Segera

Sekiranya seorang anggota menjadi tidak layak mengekalkan keanggotaannya atau dipecat, maka akaun pembiayaan akan ditutup dengan serta merta tanpa merujuk kepada syarat-syarat bagaimana pembiayaan itu diberi. Pembiayaan itu hendaklah dibayar dengan kadar keuntungan serta merta.

4. Pembayaran Pembiayaan Sebelum Berhenti

Apabila seseorang anggota diberi pembiayaan dan kemudiannya berhenti dari perkhidmatan ia hendaklah membayar pembiayaan itu beserta dengan kadar keuntungan dalam tempoh sebagaimana yang diminta oleh Koperasi. Ia hendaklah juga bersetuju supaya pembayaran pembiayaan asas dan keuntungan itu dipotong daripada gaji dan lain-lain pendapatannya oleh pihak berkuasa yang membayar gaji.

5. Anggota-anggota Yang Bersara
(Pindaan diluluskan MAT ke 52 pada 30 Julai 2017)

Sekiranya anggota-anggota bersara daripada perkhidmatan dan menetap di Malaysia, ia boleh terus menjadi anggota dan meneruskan pembiayaan yuran dan simpanan bulanannya.

6. Pembiayaan Kepada Anggota Yang Besara

Pembiayaan kepada seseorang anggota yang bersara yang tidak mempunyai sebarang pekerjaan tetap adalah tertakluk kepada pembiayaan yuran.

7. Pembiayaan Yuran
(Pindaan diluluskan MAT ke 52 pada 30 Julai 2017)

Pembiayaan yuran berjumlah tidak lebih dari 95% wang yuran yang terkumpul boleh diberi kepada anggota sebagai pembiayaan tanpa jaminan dan anggota tersebut mestilah tidak mempunyai lain-lain pembiayaan daripada Koperasi kecuali pembiayaan yang dibenarkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

8. Pembayaran Pembiayaan oleh Anggota
(Pindaan diluluskan MAT ke 52 pada 30 Julai 2017)

(a) Seseorang anggota seperti yang didefinasikan di dalam fasal 11 Undang-undang Kecil Koperasi Tentera adalah dikehendaki membuat urusan yang diperlukan supaya pembiayaan itu dibayar tiap-tiap bulan.

(b) Sekiranya anggota gagal melaksanakan tanggungjawab di dalam Aturan ini, untuk tempoh sekurang-kurangnya tiga bulan berturut-turut, keanggotaan anggota tersebut boleh ditamatkan dibawah fasal 21 Undang-undang Kecil Koperasi Tentera.

(c) Jika seseorang anggota terhenti daripada menjadi anggota Koperasi menurut Aturan ini, penyelesaian untuk pembiayaan serta kadar keuntungan dan lain- lain fi yang berkaitan yang belum dijelaskan sekiranya ada, akan didapatkan daripada wang yuran atau simpanan terkumpul. Jika wang tersebut masih tidak mencukupi, anggota berkenaan hendaklah membayarnya dengan segera.

(d) Koperasi ini boleh mengambil apa-apa langkah yang perlu disisi undang-undang untuk mendapatkan semula bayaran pembiayaan yang tertangguh daripada anggota.

9. Pihak Berkaitan *(Connected Party)*
(Pindaan diluluskan MAT ke 50 pada 14 Jun 2015)

Peruntukan di bawah Garis Panduan Urus Niaga Kredit dan Pendedahan dengan Pihak Berkaitan *(Connected Party)* dan mana-mana pindaan berkaitan dari masa ke semasa hendaklah dipatuhi oleh semua pihak yang berkaitan dalam memproses dan meluluskan pembiayaan kredit kepada pemohon pembiayaan seperti yang termaktub di dalam Polisi Operasi Kredit Koperasi Tentera yang diluluskan oleh Lembaga.

"Definisi dan Skop Pihak Berkaitan (PB)" - Garis Panduan PB merangkumi dari peringkat Anggota Lembaga, Ketua Pegawai Eksekutif, Pegurus Kanan sehingga kakitangan koperasi yang terlibat di dalam operasi kredit dan meliputi keluarga terdekat mereka. Untuk transaksi kredit individu,

mana-mana PB di koperasi tidak dibenarkan menyemak atau meluluskan permohonan kredit yang berkaitan dengan diri sendiri/pihak berkaitan/keluarga terdekat *(Connected Party)* yang mungkin mempengaruhi atau dipengaruhi oleh individu tersebut. Proses penyemakan atau kelulusan kredit perlu dimajukan kepada had kuasa yang lebih tinggi.

*Nota : * Pihak berkaitan / keluarga terdekat adalah terdiri daripada:*

i. Suami / Isteri termasuk tanggungan mereka
ii. Anak-anak (termasuk anak tiri dan anak angkat dan anak anak suami/Isteri
iii. Ibu bapa
iv. Adik-beradik termasuk suami / isteri mereka.

ATURAN-ATURAN PEMBIAYAAN BERLANDASKAN SYARIAH

KEMUDAHAN PEMBIAYAAN PERIBADI BAI INAH KT

1. Matlamat Pembiayaan

Koperasi Tentera menawarkan pembiayaan peribadi yang memberi satu kemudahan kewangan yang dilaksanakan mengikut konsep jual beli. Ia berasaskan prinsip muamalat yang dapat menghindari unsur-unsur riba.

2. Tujuan Pembiayaan

Kemudahan pembiayaan ini diberikan kepada anggota yang layak bagi tujuan membantu mereka mengatasi berbagai masalah seperti membayar pendahuluan rumah atau kereta, membina rumah, membiayai perkahwinan, melancong dan lain-lain tujuan yang berguna.

3. Borang Permohonan

Setiap permohonan hendaklah dibuat melalui borang permohonan pembiayaan yang dikeluarkan oleh Koperasi.

4. Dokumen-Dokumen Sokongan

Setiap permohonan yang dimajukan perlu disertakan dokumen-dokumen berkaitan yang ditetapkan oleh Koperasi.

5. Kelayakan Asas Kemudahan Pembiayaan

Telah sah diterima menjadi anggota Koperasi dengan menjelaskan fi masuk RM 10.00 bagi anggota baru dan RM 20.00 bagi anggota masuk semula, modal syer RM 100.00 dan yuran minima RM 30.00 untuk 6 bulan.
(Pindaan diluluskan MAT ke 49 pada 15 Jun 2014)

6. Had pembiayaan

(a) Tertakluk kepada kepada Akta Koperasi 1993, Peraturan-peraturan sediada dan sebagaimana ditetapkan pihak berkuasa dari masa ke semasa, had pembiayaan adalah tertakluk kepada 20 kali gaji pokok termasuk elaun tetap yang tidak melebihi RM 200,000.00 ATAU tertakluk kepada satu had dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Lembaga dari masa ke semasa.
(Pindaan diluluskan MAT ke 50 pada 14 Jun 2015).

(b) Bagi anggota dibawah kategori Luar KEMENTAH; iaitu yang telah bersara dari perkhidmatan kerajaan, yang ditukar keluar dari KEMENTAH ke Jabatan Kerajaan yang lain atau yang bekerja dengan syarikat swasta, had pembiayaan tertakluk kepada kelulusan Lembaga.

(c) Bagi anggota dibawah kategori Luar KEMENTAH; iaitu yang tidak bekerja atau bekerja sendiri, pembiayaan akan dihadkan kepada 90% dari jumlah modal yuran yang terkumpul.

7. Tempoh Pembiayaan

Tempoh pembiayaan adalah tertakluk kepada tempoh perkhidmatan pemohon atau penjamin atau satu tempoh yang ditetapkan oleh Koperasi.

8. Jaminan Pembiayaan

(a) Setiap permohonan pembiayaan perlu mengadakan jaminan seperti mana yang ditetapkan oleh Koperasi dari masa ke semasa. Bentuk jaminan adalah samada dari kalangan anggota Koperasi atau melalui cagaran keatas sesuatu yang dibenarkan oleh Koperasi.

(b) Pembiayaan tanpa penjamin akan dikenakan satu kadar tambahan bagi menanggung risiko sekiranya pembiayaan itu tidak dijelaskan. Kadar tambahan tersebut akan ditetapkan dari semasa ke semasa, tertakluk kepada persetujuan Lembaga.
(Pindaan diluluskan MAT ke 53 pada 15 Julai 2018)

(c) Apabila penjamin ingin memohon untuk menarik diri daripada menjadi anggota atau tidak lagi memenuhi syarat sebagai seorang penjamin, maka penjamin hendaklah mendapatkan penjamin baru dan penjamin baru itu akan bertanggungjawab terhadap pembiayaan itu.

(d) Sekiranya anggota gagal memaklumkan kepada Koperasi mengenai pemberhentian penjaminnya daripada menjadi anggota, ketidakupayaan penjaminnya memenuhi kewajipannya atau apabila dikehendaki mengadakan penjamin yang baru di bawah fasal 3 (2) Undang-Undang Kecil anggota gagal berbuat demikian dalam tempoh yang diarahkan oleh Koperasi, maka anggota akan diminta membayar sepenuhnya pembiayaan itu dengan serta-merta.

9. Kadar Keuntungan

(a) Kadar keuntungan yang ditetapkan oleh Koperasi ke atas Jualan Harga Tangguh adalah sebanyak 5.5% setahun atau kadar lain yang ditetapkan oleh Lembaga dari masa ke semasa dan ia akan disebut semasa akad jual beli.
(Pindaan diluluskan MAT ke 49 pada 15 Jun 2014)

(b) Kadar keuntungan boleh berubah dari masa ke semasa berdasarkan keadaan semasa serta tertakluk diatas keputusan yang dibuat oleh Lembaga.

10. Kos Pentadbiran

Kos pentadbiran adalah merupakan kos sebenar bagi menguruskan kemudahan pembiayaan. Kadar kos pentadbiran adalah sepertimana yang diluluskan oleh Lembaga dari masa ke semasa.

11. Deposit Sekuriti

Koperasi berhak menentukan mana-mana pembiayaan yang diluluskan untuk meletakkan tiga (3) bulan ansuran pembiayaan atau satu jumlah yang diluluskan oleh Lembaga. Deposit ini akan disimpan ke dalam akaun simpanan Wadiah dan akan digunakan untuk menjelaskan mana-mana ansuran yang tidak dibayar.

12. Skim Perlindungan Pembiayaan (SPP)

Dimansuhkan.
(berkuatkuasa pada 1 Januari 2019)
(Pindaan diluluskan MAT ke 53 pada 15 Julai 2018)

13. Status Kemudahan Pembiayaan

Kemudahan yang disediakan oleh Koperasi ini bukanlah merupakan satu hak tetapi merupakan satu kemudahan dan ia tertakluk kepada aturan-aturan diatas serta syarat-syarat yang ditetapkan dari masa ke semasa.

KEMUDAHAN PEMBIAYAAN PERIBADI BAI INAH BA

1. Matlamat Pembiayaan

Koperasi Tentera menawarkan pembiayaan peribadi yang memberi satu kemudahan kewangan yang dilaksanakan mengikut konsep jual beli. Ia berasaskan prinsip muamalat yang dapat menghindari unsur-unsur riba.

2. Tujuan Pembiayaan

Kemudahan pembiayaan ini diberikan kepada anggota yang layak bagi tujuan membantu mereka mengatasi berbagai masalah seperti membayar pendahuluan rumah atau kereta, membina rumah, membiayai perkahwinan, melancong dan lain-lain tujuan yang berguna.

3. Borang Permohonan

Setiap permohonan hendaklah dibuat melalui borang permohonan pembiayaan yang dikeluarkan oleh Koperasi.

4. Dokumen-Dokumen Sokongan

Setiap permohonan yang dimajukan perlu disertakan dokumen-dokumen berkaitan yang ditetapkan oleh Koperasi.

5. Kelayakan Asas Kemudahan Pembiayaan

(a) Telah genap 6 bulan menjadi anggota Koperasi dan telah menjelaskan sepenuhnya modal yuran bagi tempoh tersebut.

(b) Telah genap 12 bulan menjadi anggota masuk semula dan telah menjelaskan sepenuhnya modal yuran bagi tempoh tersebut.

6. Had Pembiayaan

(a) Tertakluk kepada kepada Akta Koperasi 1993, Peraturan-peraturan sediada dan sebagaimana ditetapkan pihak berkuasa dari masa ke semasa, had pembiayaan adalah tertakluk kepada **20 kali** gaji pokok termasuk elaun tetap yang tidak melebihi RM 200,000.00 ATAU tertakluk kepada satu had dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Lembaga dari masa ke semasa.
(Pindaan diluluskan MAT ke 49 pada 15 Jun 2014).

(b) Bagi anggota dibawah kategori Luar KEMENTAH iaitu yang telah bersara dari perkhidmatan kerajaan atau yang ditukar keluar dari KEMENTAH ke Jabatan Kerajaan yang lain atau yang bekerja dengan syarikat swasta had pembiayaan tertakluk kepada kelulusan Lembaga.

7. Tempoh Pembiayaan

Tempoh pembiayaan adalah tertakluk kepada tempoh perkhidmatan pemohon atau penjamin atau satu tempoh yang ditetapkan oleh Koperasi.

8. Jaminan Pembiayaan

Pembiayaan tanpa penjamin akan dikenakan satu kadar tambahan bagi menanggung risiko sekiranya pembiayaan itu tidak dijelaskan. Kadar tambahan tersebut akan ditetapkan dari semasa ke semasa, tertakluk kepada persetujuan Lembaga.
(Pindaan diluluskan MAT ke 53 pada 15 Julai 2018)

9. Kadar Keuntungan

(a) Kadar keuntungan yang ditetapkan oleh Koperasi ke atas Jualan Harga Tangguh bagi pembiayaan ini adalah berdasarkan satu kadar yang diluluskan oleh Lembaga.

(b) Kadar keuntungan boleh berubah dari masa ke semasa berdasarkan keadaan semasa serta tertakluk diatas keputusan yang dibuat oleh Lembaga.

10. Kos Pentadbiran

Kos pentadbiran adalah merupakan kos sebenar bagi menguruskan kemudahan pembiayaan. Kadar kos pentadbiran adalah sepertimana yang diluluskan oleh Lembaga dari masa ke semasa.

11. Deposit Sekuriti

Koperasi berhak menentukan mana-mana pembiayaan yang diluluskan untuk meletakkan tiga (3) bulan ansuran pembiayaan atau satu jumlah yang diluluskan oleh Lembaga. Deposit ini akan disimpan kedalam akaun simpanan Wadiah dan akan digunakan untuk menjelaskan mana-mana ansuran yang tidak dibayar.

12. Skim Perlindungan Pembiayaan (SPP)

Dimansuhkan.
(berkuatkuasa pada 1 Januari 2019)
(Pindaan diluluskan MAT ke 53 pada 15 Julai 2018)

13. Status Kemudahan Pembiayaan

Kemudahan yang disediakan oleh Koperasi ini bukanlah merupakan satu hak tetapi merupakan satu kemudahan dan ia tertakluk kepada aturan-aturan diatas serta syarat-syarat yang ditetapkan dari masa ke semasa.

KEMUDAHAN PEMBIAYAAN PERIBADI BAI INAH KR

1. Matlamat Pembiayaan

Koperasi Tentera menawarkan pembiayaan peribadi yang memberikan satu kemudahan kewangan yang dilaksanakan mengikut konsep jual beli. Ia berasaskan prinsip muamalat yang dapat menghindari unsur-unsur riba.

2. Tujuan Pembiayaan

Kemudahan pembiayaan ini diberikan kepada anggota yang layak bagi tujuan membantu mereka mengatasi berbagai masalah seperti membayar pendahuluan rumah atau kereta, membina rumah, membiayai perkahwinan, melancong dan lain-lain tujuan yang berguna.

3. Borang Permohonan

Setiap permohonan hendaklah dibuat melalui borang permohonan pembiayaan yang dikeluarkan oleh Koperasi.

4. Dokumen-Dokumen Sokongan

Setiap permohonan yang dimajukan perlu disertakan dokumen-dokumen berkaitan yang ditetapkan oleh Koperasi.

5. Kelayakan Asas Kemudahan Pembiayaan

(a) Telah genap enam (6) bulan menjadi anggota Koperasi dan telah menjelaskan sepenuhnya modal yuran bagi tempoh berkenaan.

(b) Telah genap dua belas (12) bulan menjadi anggota Koperasi bagi mereka yang menyertai semula sebagai anggota dan telah menjelaskan sepenuhnya modal yuran bagi tempoh yang berkenaan.

(c) Telah menjelaskan Fee Masuk dan Syer sepertimana yang ditetapkan dari masa ke semasa.

6. Had Pembiayaan

Tertaluk kepada Akta Koperasi 1993, Peraturan-peraturan sediada dan sebagaimana ditetapkan pihak berkuasa dari masa ke semasa, satu had yang akan ditetapkan oleh Lembaga yang tidak melebihi 95% daripada jumlah modal yuran pemohon yang terkumpul dengan had maksima tidak melebihi RM 200,000 ATAU tertakluk kepada satu had dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Lembaga dari masa ke semasa.
(Pindaan diluluskan MAT ke 50 pada 14 Jun 2015)

7. Tempoh Pembiayaan

Tempoh pembiayaan adalah tertakluk kepada tempoh perkhidmatan pemohon atau penjamin atau satu tempoh yang ditetapkan oleh Koperasi

8. Jaminan Pembiayaan

Wang yuran yang terkumpul akan dijadikan gadaian (Ar-Rahnu).

9. Kadar Keuntungan

(a) Kadar keuntungan yang ditetapkan oleh Koperasi ke atas Jualan Harga Tangguh adalah sebanyak 5.5% setahun atau kadar lain yang ditetapkan oleh Lembaga dari masa ke semasa dan ia akan disebut semasa akad jual beli.
(Pindaan diluluskan MAT ke 49 pada 15 Jun 2014)

(b) Kadar keuntungan boleh berubah dari masa ke semasa berdasarkan keadaan semasa serta tertakluk diatas keputusan yang dibuat oleh Lembaga.

10. Kos Pentadbiran

Kos pentadbiran adalah merupakan kos sebenar bagi menguruskan kemudahan pembiayaan. Kadar kos pentadbiran adalah sepertimana yang diluluskan oleh Lembaga dari masa ke semasa.

11. Deposit Sekuriti

Koperasi berhak menentukan mana-mana pembiayaan yang diluluskan untuk meletakkan tiga (3) bulan ansuran pembiayaan atau satu jumlah yang diluluskan oleh Lembaga. Deposit ini akan disimpan ke dalam akaun simpanan Wadiah dan akan digunakan untuk menjelaskan mana-mana ansuran yang tidak dibayar sebagaimana yang sepatutnya.

12. Skim Perlindungan Pembiayaan (SPP)

Dimansuhkan.
(berkuatkuasa pada 1 Januari 2019)
(Pindaan diluluskan MAT ke 53 pada 15 Julai 2018)

13. Status kemudahan Pembiayaan

Kemudahan yang disediakan oleh Koperasi ini bukanlah merupakan satu hak tetapi merupakan satu kemudahan dan ia tertakluk kepada aturan-aturan diatas serta syarat-syarat yang ditetapkan dari masa ke semasa.

KEMUDAHAN PEMBIAYAAN BAI INAH EM

1. Matlamat Pembiayaan

Koperasi Tentera menawarkan pembiayaan peribadi yang memberikan satu kemudahan kewangan yang dilaksanakan mengikut konsep jual beli. Ia berasaskan prinsip muamalat yang dapat menghindari unsur-unsur riba.

2. Tujuan Pembiayaan

Kemudahan pembiayaan ini diberikan kepada anggota yang layak bagi tujuan membantu mereka mengatasi berbagai masalah seperti sakit tenat, kematian, rawatan, membiayai yuran pengajian, perkahwinan, membiayai pendahuluan rumah atau kereta, saman mahkamah, atau lain-lain sebab. Pemohon perlu memberi bukti yang sah, nyata dan asal.

3. Borang Permohonan

Setiap permohonan hendaklah dibuat melalui borang permohonan pembiayaan yang dikeluarkan oleh Koperasi.

4. Dokumen-Dokumen Sokongan

Setiap permohonan yang dimajukan perlu disertakan dokumen-dokumen berkaitan yang ditetapkan oleh Koperasi.

5. Kelayakan Asas Kemudahan Pembiayaan

(a) Telah genap enam (6) bulan menjadi anggota Koperasi dan telah menjelaskan sepenuhnya modal yuran bagi tempoh berkenaan.

(b) Telah genap dua belas (12) bulan menjadi anggota masuk semula dan telah menjelaskan sepenuhnya modal yuran bagi tempoh yang berkenaan.

(c) Telah menjelaskan Fee Masuk dan Syer sepertimana yang ditetapkan dari masa ke semasa.

6. Had pembiayaan

Had pembiayaan minima ialah RM 500. Had maksima dan syarat-syarat pembiayaan boleh berubah dari semasa ke semasa tertakluk kepada kelulusan Lembaga.

7. Tempoh Pembiayaan

Tempoh maksima pembiayaan adalah enam puluh (60) bulan dan tempoh minima adalah enam (6) bulan atau satu tempoh yang diluluskan oleh Lembaga dari masa ke semasa.

8. Jaminan Pembiayaan

Pembiayaan tanpa penjamin akan dikenakan satu kadar tambahan bagi menanggung risiko sekiranya pembiayaan itu tidak dijelaskan. Kadar

tambahan tersebut akan ditetapkan dari semasa ke semasa, tertakluk kepada persetujuan Lembaga.
(Pindaan diluluskan MAT ke 53 pada 15 Julai 2018)

9. Kadar Keuntungan

(a) Kadar keuntungan yang ditetapkan oleh Koperasi ke atas Jualan Harga Tangguh adalah sebanyak 6.5% setahun dan ia akan disebut semasa akad jual beli.

(b) Kadar keuntungan boleh berubah dari masa ke semasa berdasarkan keadaan semasa serta tertakluk diatas keputusan yang dibuat oleh Lembaga.

10. Kos Pentadbiran

Kos pentadbiran adalah merupakan kos sebenar bagi menguruskan kemudahan pembiayaan. Kadar kos pentadbiran adalah sepertimana yang diluluskan oleh Lembaga dari masa ke semasa.

11. Deposit Sekuriti

Koperasi berhak menentukan mana-mana pembiayaan yang diluluskan untuk meletakkan tiga (3) bulan ansuran pembiayaan atau satu jumlah yang diluluskan oleh Lembaga. Deposit ini akan disimpan kedalam akaun simpanan wadiah dan akan digunakan untuk menjelaskan mana-mana ansuran yang tidak dibayar sebagaimana yang sepatutnya.

12. Skim Perlindungan Pembiayaan (SPP)

Dimansuhkan
(berkuatkuasa pada 1 Januari 2019)
(Pindaan diluluskan MAT ke 53 pada 15 Julai 2018)

13. Status Kemudahan Pembiayaan

Kemudahan pembiayaan yang disediakan oleh Koperasi ini bukanlah merupakan satu hak tetapi merupakan satu kemudahan dan ia tertakluk kepada aturan-aturan diatas serta syarat-syarat yang ditetapkan dari masa ke semasa.

SKIM PEMBIAYAAN BAI-BITHAMAN AJIL (BBA)

1. Matlamat Pembiayaan

Koperasi Tentera menawarkan pembiayaan mengikut kaedah *Bai Bithaman Ajil* yang memberikan satu kemudahan mengikut konsep jual beli. Ia berasaskan prinsip muamalat yang dapat menghindari unsur-unsur riba.

2. Tujuan Pembiayaan

Kemudahan pembiayaan ini diberikan kepada anggota yang layak bagi tujuan membantu anggota untuk membeli kenderaan seperti kereta dan motosikal atau kenderaan lain yang diluluskan oleh Lembaga.

3. Cara Perlaksanaan Skim

Skim ini dilaksanakan mengikut kaedah Bai Bithaman Ajil iaitu Jualan Harga Tangguh. Kaedah jualbeli yang dimaksudkan adalah Koperasi Tentera membeli kenderaan seperti yang dikehendaki oleh anggota dan kemudian Koperasi menjualkannya kepada anggota dengan keuntungan yang ditetapkan oleh Lembaga dari harga belian kenderaan berkenaan.

4. Borang Permohonan

Setiap permohonan hendaklah dibuat melalui borang permohonan pembiayaan yang dikeluarkan oleh Koperasi.

5. Dokumen-Dokumen Sokongan

Setiap permohonan yang dimajukan perlu disertakan dokumen-dokumen berkaitan yang ditetapkan oleh Koperasi.

6. Kelayakan Asas Kemudahan Pembiayaan

(a) Telah genap enam (6) bulan menjadi anggota Koperasi dan telah menjelaskan sepenuhnya modal yuran bagi tempoh berkenaan.

(b) Telah genap dua belas (12) bulan menjadi anggota Koperasi bagi mereka yang menyertai semula sebagai anggota dan telah menjelaskan sepenuhnya modal yuran bagi tempoh yang berkenaan.

(c) Telah menjelaskan Fee Masuk dan Syer sepertimana yang ditetapkan dari masa ke semasa.

7. Had Pembiayaan

Kadar maksima dan minima pembiayaan ini adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga yang mana akan dimaklumkan dari masa ke semasa.

8. Tempoh Pembiayaan

Tempoh pembiayaan adalah tertakluk kepada tempoh perkhidmatan pemohon dan penjamin atau satu tempoh yang ditetapkan oleh Koperasi.

9. Tuntutan Hak Milik

Hak milik keatas semua kenderaan yang dibeli melalui skim ini akan dituntut oleh Koperasi Tentera. Cop tuntutan hak milik pada Buku Pendaftaran (Geran) kenderaan berkenaan akan dibatalkan bila semua pembiayaan selesai dibayar.

10. Jaminan Pembiayaan

(a) Setiap permohonan pembiayaan perlu mengadakan jaminan seperti mana yang ditetapkan oleh Koperasi dari masa ke semasa. Bentuk jaminan adalah sama ada dari kalangan anggota Koperasi atau melalui cagaran keatas sesuatu yang dibenarkan oleh Koperasi.

(b) Pembiayaan tanpa penjamin akan dikenakan satu kadar tambahan bagi menanggung risiko sekiranya pembiayaan itu tidak dijelaskan. Kadar tambahan tersebut akan ditetapkan dari semasa ke semasa, tertakluk kepada persetujuan Lembaga.
(Pindaan diluluskan MAT ke 53 pada 15 Julai 2018)

(c) Sekiranya anggota gagal memaklumkan kepada Koperasi mengenai pemberhentian penjaminnya daripada menjadi anggota, atau ketidakupayaan penjaminnya memenuhi kewajipannya, atau apabila dikehendaki mengadakan penjamin yang baru dibawah fasal 3(2) Undang-undang Kecil Koperasi Tentera anggota gagal berbuat demikian dalam tempoh yang diarahkan oleh Koperasi, maka anggota akan diminta membayar sepenuhnya pembiayaan itu dengan serta-merta.

11. Kadar Keuntungan

(a) Kadar keuntungan yang ditetapkan oleh Koperasi keatas Jualan Harga Tangguh adalah sebanyak 6% - 6.5% setahun dan ia akan disebut semasa akad jual beli.

(b) Kadar keuntungan boleh berubah dari masa ke semasa berdasarkan keadaan semasa serta tertakluk diatas keputusan yang dibuat oleh Lembaga.

12. Kos Pentadbiran

Kos pentadbiran adalah merupakan kos sebenar bagi menguruskan kemudahan pembiayaan. Kadar kos pentadbiran adalah sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga dari masa ke semasa.

13. Deposit Sekuriti

Koperasi berhak menentukan mana-mana pembiayaan yang diluluskan untuk meletakkan tiga (3) bulan ansuran pembiayaan atau satu jumlah yang diluluskan oleh Lembaga. Deposit ini akan disimpan kedalam akaun

simpanan Wadiah dan akan digunakan untuk menjelaskan mana-mana ansuran yang tidak dibayar.

14. Skim Perlindungan Pembiayaan (SPP)

Dimansuhkan
(berkuatkuasa pada 1 Januari 2019)
(Pindaan diluluskan MAT ke 53 pada 15 Julai 2018)

15. Status Kemudahan Pembiayaan

Kemudahan yang disediakan oleh Koperasi ini bukanlah merupakan satu hak tetapi merupakan satu kemudahan dan ia tertakluk kepada aturan-aturan diatas serta syarat-syarat yang ditetapkan dari masa ke semasa.

SKIM PEMBIAYAAN PELBAGAI (BARANGAN/PERKHIDMATAN)

AL BAI-BITHAMAN AJIL BBA

1. Matlamat Pembiayaan

Koperasi Tentera menawarkan pembiayaan mengikut kaedah Jualan Harga Tangguh *Al Bai-Bithaman Ajil* (BBA) yang memberikan satu kemudahan mengikut konsep jual beli. Ia berasaskan prinsip muamalat yang dapat menghindari unsur-unsur riba.

2. Tujuan Pembiayaan

Kemudahan pembiayaan ini diberikan kepada anggota yang layak bagi tujuan membantu anggota untuk membeli barangan pengguna seperti alat kelengkapan rumah, komputer, perkhidmatan dan lain-lain keperluan yang diluluskan oleh Koperasi.

3. Cara Perlaksanaan Skim

Skim ini dilaksanakan mengikut kaedah *Al Bai Bithaman Ajil* iaitu Jualan Harga Tangguh. Ia adalah perjanjian jual beli barangan tertentu antara Koperasi (Pemilik Barang) dengan Anggota (Pembeli) dimana pemilik barang menyerahkan barang dengan segera atau satu masa yang telah dipersetujui dan Pembeli menangguhkan bayaran harga tersebut sehingga satu tempoh yang tertentu atau membuat bayaran secara ansuran.

4. Borang Permohonan

Setiap permohonan hendaklah dibuat melalui borang permohonan pembiayaan yang dikeluarkan oleh Koperasi.

5. Dokumen-Dokumen Sokongan

Setiap permohonan yang dimajukan perlu disertakan dokumen-dokumen berkaitan yang ditetapkan oleh Koperasi.

6. Kelayakan Asas Kemudahan Pembiayaan

(a) Telah genap enam (6) bulan menjadi anggota Koperasi dan telah menjelaskan sepenuhnya modal yuran bagi tempoh berkenaan.

(b) Telah genap dua betas (12) bulan menjadi anggota Koperasi bagi mereka yang menyertai semula sebagai anggota dan telah menjelaskan sepenuhnya modal yuran bagi tempoh yang berkenaan.

(c) Telah menjelaskan Fee Masuk dan Syer sepertimana yang ditetapkan dari masa ke semasa.

7. Had Pembiayaan

Kadar maksima pembiayaan untuk seseorang anggota bagi skim ini adalah RM 10,000 (Sepuluh Ribu Sahaja) atau satu jumlah yang diluluskan oleh Lembaga dari masa ke semasa.

8. Tempoh Pembiayaan

Tempoh pembiayaan adalah tertakluk kepada tempoh perkhidmatan pemohon dan penjamin atau satu tempoh yang ditetapkan oleh Koperasi.

9. Jaminan Pembiayaan

Pembiayaan tanpa penjamin akan dikenakan satu kadar tambahan bagi menanggung risiko sekiranya pembiayaan itu tidak dijelaskan. Kadar tambahan tersebut akan ditetapkan dari semasa ke semasa, tertakluk kepada persetujuan Lembaga.
(Pindaan diluluskan MAT ke 53 pada 15 Julai 2018)

10. Kadar Keuntungan

a. Kadar keuntungan yang ditetapkan oleh Koperasi keatas Jualan Harga Tangguh adalah sebanyak 6%-6.5% setahun dan ia akan disebut semasa akad jual beli.

b. Kadar keuntungan boleh berubah dari masa ke semasa berdasarkan keadaan semasa serta tertakluk diatas keputusan yang dibuat oleh Lembaga.

11. Kos Pentadbiran

Kos pentadbiran adalah merupakan kos sebenar bagi menguruskan kemudahan pembiayaan. Kadar kos pentadbiran adalah sepertimana yang diluluskan oleh Lembaga dari masa ke semasa.

12. Deposit Sekuriti

Koperasi berhak menentukan mana-mana pembiayaan yang diluluskan untuk meletakkan tiga (3) bulan ansuran pembiayaan atau satu jumlah yang diluluskan oleh Lembaga. Deposit ini akan disimpan ke dalam akaun simpanan wadiah dan akan digunakan untuk menjelaskan mana-mana ansuran yang tidak dibayar.

13. Skim Perlindungan Pembiayaan (SPP)

Dimansuhkan
(berkuatkuasa pada 1 Januari 2019)
(Pindaan diluluskan MAT ke 53 pada 15 Julai 2018)

14. Status Kemudahan Pembiayaan

Kemudahan yang disediakan oleh Koperasi ini bukanlah merupakan satu hak tetapi merupakan satu kemudahan dan ia tertakluk kepada aturan-aturan diatas serta syarat-syarat yang ditetapkan dari masa ke semasa.

SKIM PEMBIAYAAN PELBAGAI (BARANGAN/PERKHIDMATAN)

BAI-BITHAMAN AJIL PP

1. Matlamat Pembiayaan

Koperasi Tentera menawarkan pembiayaan mengikut kaedah *Bai Bithaman Ajil* yang memberikan satu kemudahan mengikut konsep jual beli. Ia berasaskan prinsip muamalat yang dapat menghindari unsur-unsur riba.

2. Tujuan Pembiayaan

Kemudahan pembiayaan ini diberikan kepada anggota yang layak bagi tujuan membantu anggota untuk membeli barangan pengguna seperti alat kelengkapan rumah, komputer, perkhidmatan dan lain-lain keperluan yang diluluskan oleh Koperasi.

3. Cara Perlaksanaan Skim

Skim ini dilaksanakan mengikut kaedah *Bai Bithaman Ajil* iaitu Jualan Harga Tangguh. Ia adalah perjanjian jual beli barangan tertentu antara Koperasi (Pemilik Barang) dengan Anggota (Pembeli) dimana pemilik barang menyerahkan barang dengan segera atau satu masa yang telah dipersetujui dan Pembeli menangguhkan bayaran harga tersebut sehingga satu tempoh yang tertentu atau membuat bayaran secara ansuran.

4. Borang Permohonan

Setiap permohonan hendaklah dibuat melalui borang permohonan pembiayaan yang dikeluarkan oleh Koperasi.

5. Dokumen-Dokumen Sokongan

Setiap permohonan yang dimajukan perlu disertakan dokumen-dokumen berkaitan yang ditetapkan oleh Koperasi.

6. Kelayakan Asas Kemudahan Pembiayaan

(a) Telah menjelaskan yuran bulanan sekurang-kurangnya sebulan atau satu kadar yang ditetapkan oleh Lembaga.

(b) Telah menjelaskan syer sekurang-kurangnya RM100.00 atau satu kadar yang ditetapkan oleh Lembaga.

(c) Telah menjelaskan Fee Masuk sekurang-kurangnya RM10.00 atau satu kadar yang ditetapkan oleh Lembaga.

7. Had Pembiayaan

(a) Tertakluk kepada lima belas (15) kali gaji pokok (termasuk elaun tetap) a tau tidak melebihi RM15,000.00 atau tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dari masa ke semasa.

(b) Bagi anggota dibawah kategori Luar KEMENTAH iaitu yang telah bersara dari perkhidmatan kerajaan, yang ditukar keluar dari KEMENTAH ke Jabatan Kerajaan yang lain atau yang bekerja dengan syarikat swasta had pembiayaan tertakluk kepada kelulusan Lembaga.

8. Tempoh Pembiayaan

Tempoh pembiayaan adalah tertakluk kepada tempoh perkhidmatan pemohon dan penjamin atau satu tempoh yang ditetapkan oleh Koperasi.

9. Jaminan Pembiayaan

(a) Setiap permohonan pembiayaan perlu mengadakan jaminan seperti mana yang ditetapkan oleh Koperasi dari masa ke semasa. Bentuk jaminan adalah samada dari kalangan anggota Koperasi atau melalui cagaran keatas sesuatu yang dibenarkan oleh Koperasi.

(b) Pembiayaan tanpa penjamin akan dikenakan satu kadar tambahan bagi menanggung risiko sekiranya pembiayaan itu tidak dijelaskan. Kadar tambahan tersebut akan ditetapkan dari semasa ke semasa, tertakluk kepada persetujuan Lembaga.
(Pindaan diluluskan MAT ke 53 pada 15 Julai 2018)

(c) Apabila penjamin ini memohon menarik diri daripada menjadi anggota atau tidak lagi memenuhi syarat sebagai seorang penjamin, maka penjamin hendaklah mendapatkan penjamin baru dan penjamin baru itu akan bertanggungjawab terhadap pembiayaan itu.

(d) Sekiranya anggota gagal memaklumkan kepada Koperasi mengenai pemberhentian penjaminnya daripada menjadi anggota, ketidakupayaan penjaminnya memenuhi kewajipannya atau apabila dikehendaki mengadakan penjamin yang baru dibawah fasal 3(2) Undang-Undang Kecil Koperasi Tentera, anggota gagal berbuat demikian dalam tempoh yang diarahkan oleh Koperasi, maka anggota akan diminta membayar sepenuhnya pembiayaan itu dengan serta-merta.

10. Kadar Keuntungan

(a) Kadar keuntungan yang ditetapkan oleh Koperasi ke atas Jualan Harga Tangguh bagi pembiayaan ini adalah berdasarkan satu kadar yang diluluskan oleh Lembaga.

(b) Kadar keuntungan boleh berubah dari masa ke semasa berdasarkan keadaan semasa serta tertakluk diatas keputusan yang dibuat oleh Lembaga.

11. Kos Pentadbiran

Kos pentadbiran adalah merupakan kos sebenar bagi menguruskan kemudahan pembiayaan. Kadar kos pentadbiran adalah sepertimana yang diluluskan oleh Lembaga.

12. Deposit Sekuriti

Koperasi berhak menentukan mana-mana pembiayaan yang diluluskan untuk meletakkan tiga (3) bulan ansuran pembiayaan atau satu jumlah yang diluluskan oleh Lembaga. Deposit sekuriti ini akan disimpan ke dalam akaun simpanan Wadiah dan akan digunakan untuk menjelaskan mana-mana ansuran yang tidak dibayar.

13. Skim Perlindungan Pembiayaan (SPP)

Dimansuhkan
(berkuatkuasa pada 1 Januari 2019)
(Pindaan diluluskan MAT ke 53 pada 15 Julai 2018)

14. Status Kemudahan Pembiayaan

Kemudahan yang disediakan oleh Koperasi ini bukanlah merupakan satu hak tetapi merupakan satu kemudahan dan ia tertakluk kepada aturan-aturan diatas serta syarat-syarat yang ditetapkan dari masa ke semasa.

SKIM PINJAMAN KEBAJIKAN (AL-QARDHUL HASAN)

1. Matlamat Pinjaman

Koperasi Tentera menawarkan skim pinjaman kebajikan (*Al-Qardhul Hasan*) yang mana ia memberikan satu kemudahan kepada anggota Koperasi yang benar-benar memerlukan pertolongan dan bantuan kewangan. Ia berasaskan prinsip muamalat yang dapat menghapuskan riba.

2. Tujuan Pinjaman

Kemudahan pinjaman ini diberikan kepada anggota yang layak bagi tujuan membantu anggota yang berada dalam kesusahan/kecemasan serta memerlukan kewangan.

3. Cara Perlaksanaan Skim

Skim ini dilaksanakan mengikut kaedah *Al Qardhul Hasan* iaitu memberi hutang sejumlah wang tertentu dan anggota diminta membayar balik dalam tempoh tertentu dengan jumlah yang sama.

4. Borang Permohonan

Setiap permohonan hendaklah dibuat melalui borang permohonan pinjaman yang dikeluarkan oleh Koperasi.

5. Dokumen-Dokumen Sokongan

Setiap permohonan yang dimajukan perlu disertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan ditetapkan oleh Koperasi.

6. Kelayakan Asas Kemudahan Pinjaman

(a) Telah genap enam (6) bulan menjadi anggota Koperasi dan telah menjelaskan sepenuhnya modal yuran bagi tempoh yang berkenaan.

(b) Telah genap dua belas (12) bulan menjadi anggota Koperasi bagi mereka yang menyertai semula sebagai anggota dan telah menjelaskan sepenuhnya modal yuran bagi tempoh yang berkenaan.

(c) Telah menjelaskan Fee Masuk dan Syer sepertimana yang ditetapkan dari masa ke semasa.

7. Had Pinjaman

Had maksima dan minima adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga yang mana akan dimaklumkan dari masa ke semasa.

8. Tempoh Pinjaman

Tempoh bayaran balik hutang ini ialah sepuluh (10) bulan atau satu tempoh yang ditetapkan oleh Lembaga.

9. Jaminan Pinjaman

Pinjaman ini tidak memerlukan sebarang jaminan.

10. Kos Tambahan

Tiada sebarang kos tambahan akan dikenakan. Anggota yang meminjam hanya perlu membayar balik jumlah pinjaman sahaja.

11. Kos Pentadbiran

Kos pentadbiran adalah merupakan kos sebenar bagi menguruskan kemudahan pinjaman. Kadar kos pentadbiran adalah sepertimana yang diluluskan oleh Lembaga.

12. Skim Perlindungan Pinjaman (SPP)

Dimansuhkan.
(berkuatkuasa pada 1 Januari 2019)
(Pindaan diluluskan MAT ke 53 pada 15 Julai 2018)

13. Status Kemudahan Pinjaman

Kemudahan yang disediakan oleh Koperasi ini bukanlah satu hak tetapi merupakan satu kemudahan dan ia tertakluk kepada aturan-aturan diatas serta syarat-syarat yang ditetapkan dari masa ke semasa.

ATURAN PEMBIAYAAN BERLANDASKAN SYARIAH

SISTEM GADAIAN ISLAM (AR-RAHNU)

1. Matlamat Pinjaman

Koperasi Tentera menawarkan satu kemudahan sistem gadaian Islam (Ar-Rahnu) yang menurut landasan hukum dan peraturan syariah yang mana merupakan satu alternatif kepada pajak gadai konvensional.

2. Tujuan Skim Gadaian

Kemudahan skim ini diberikan kepada anggota dan bukan anggota yang layak adalah bagi tujuan membantu mereka yang sedang mengalami kesempitan wang.

3. Cara Pelaksanaan Skim

a. Skim ini dilaksanakan mengikut kaedah "Ar-Rahnu" iaitu Koperasi menawarkan Pembiayaan kepada anggota dan bukan anggota untuk menggadaikan barang kemas / barang emas mereka sebagai sandaran dalam usaha untuk mendapatkan sumber kewangan.

b. Pengendalian skim ini adalah berasaskan konsep Tawarruq. Keuntungan atas jual beli komoditi dan caj pembiayaan akan dikenakan mengikut kadar keuntungan yang ditetapkan.
(Pindaan diluluskan MAT ke 55 pada 27 Jun 2021)

4. Borang Permohonan

Setiap permohonan hendaklah dibuat melalui borang permohonan yang disediakan oleh koperasi.

5. Dokumen-Dokumen Sokongan

Setiap permohonan yang dimajukan perlu disertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan ditetapkan oleh koperasi

6. Kelayakan Asas Skim Gadaian

Menuruti syarat dan peraturan sepertimana yang ditetapkan oleh Koperasi dari masa ke semasa.

7. Barangan Gadaian

Barang-barang sandaran (Marhun) yang terdiri daripada barang-barang emas atau barang berharga yang mempunyai nilai jual beli sahaja yang akan diterima.

8. Had Pembiayaan

Jumlah pembiayaan dihadkan tidak melebihi lapan puluh (80%) peratus dari nilai sandaran (Marhun). Had maksimum dan minimum pembiayaan

adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Koperasi dari semasa ke semasa.
(Diluluskan MAT ke 55 pada 27 Jun 2021)

9. Tempoh Gadaian

a. Tempoh gadaian adalah selama satu (1) tahun. Penggadai perlu membuat bayaran kadar keuntungan ke atas pembiayaan bagi enam (6) bulan pertama.

b. Jika gagal, Koperasi akan memberi "Notis Lelong" sebelum melelong Marhun dalam lelongan awam. Baki harga lelongan setelah ditolak kos dan jumlah hutang akan diberikan balik kepada penggadai (sekiranya ada) menurut syarat-syarat yang ditetapkan.
(Pindaan diluluskan MAT ke 55 pada 27 Jun 2021)

10. Jaminan Ke atas Skim

Barangan (emas) atau barang berharga yang mempunyai nilai jual beli akan dijadikan sebagai jaminan (*Ad-Dhamanah*) sehingga ia ditebus semula.

11. Kadar Keuntungan

Kadar keuntungan ditetapkan oleh Koperasi dan tertakluk kepada kelulusan yang dibuat oleh Lembaga berdasarkan konsep Tawarruq di mana kadar keuntungan hanya akan dikenakan dalam tempoh kontrak (selama setahun). Sekiranya terdapat mana-mana gadaian melebihi tempoh kontrak, pembiayaan tersebut akan dikenakan kos pengurusan.
(Pindaan diluluskan MAT ke 55 pada 27 Jun 2021)

12. Kos Pengurusan

Kos Pengurusan merupakan kos sebenar bagi menguruskan kemudahan pembiayaan. Kadar kos pengurusan adalah sebagaimana diluluskan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.
(Pindaan diluluskan MAT ke 55 pada 27 Jun 2021)

13. Status Kemudahan Skim Gadaian

Kemudahan yang disediakan oleh Koperasi ini bukanlah merupakan satu hak tetapi hanya satu kemudahan dan ia tertakluk kepada aturan-aturan di atas serta syarat-syarat yang ditetapkan dari semasa ke semasa.
(Diluluskan MAT ke 46 pada 26 Jun 2011)

ATURAN-ATURAN PINJAMAN PELAJARAN TINGGI

PINJAMAN PELAJARAN TINGGI

1. Objektif

Pinjaman ini bertujuan membantu anggota-anggota Koperasi serta anak-anak mereka yang layak melanjutkan pengajian mereka dengan sepenuh masa atau separuh masa (luar kampus) ke peringkat ijazah, diploma atau sijil di pusat-pusat pengajian tinggi tempatan dan luar negeri.

2. Borang Permohonan Pinjaman

Setiap pemohon pinjaman hendaklah dibuat melalui borang yang telah disediakan oleh Koperasi.

3. Kelayakan Meminjam

(a) Anggota-anggota Koperasi yang telah menjadi anggota secara berterusan sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dan telah membayar wang yuran sekurang-kurangnya RMl,000.00 layak memohon bagi pihak mereka ataupun bagi pihak anak mereka.

(b) Telah diterima oleh Pusat Pengajian Tinggi, Institusi, Maktab ataupun Universiti Tempatan/luar negeri yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

(c) Kursus yang diikuti adalah sepenuh masa atau separuh masa (luar kampus) diperingkat Ijazah/Diploma/Sijil.

(d) Seseorang anggota atau anak anggota layak menerima pinjaman pelajaran tinggi sekali sahaja dalam tempoh keanggotaannya.

4. Jaminan

(a) Sekurang-kurangnya 2 penjamin intuk pinjaman pelajaran tinggi yang mestilah juga ahli kecuali sebagaimana yang diperuntukkan.

(b) Sijil-sijil ASB dan ASW boleh digunakan sebagai cagaran untuk pinjaman ini. Jumlah pinjaman ini tidak boleh melebihi jumlah pelaburan dalam ASB dan ASW.

(c) Atas budibicara Lembaga, geran tanah rumah kediaman boleh digunakan sebagai cagaran. Jumlah pinjaman tidak boleh melebihi nilai rumah berdasarkan laporan penilaian yang disediakan oleh pakar penilaian bertauliah.

5. Jenis dan Had Pinjaman

(a) Pengajian Tempatan

Tidak melebihi RM 14,000.00 bagi keseluruhan kursus.

(b) Pengajian Luar Negara

Tidak melebihi RM 48,000.00 bagi keseluruhan kursus.

(c) Pengajian Program Berkembar

Tidak melebihi RM 14,000.00 bagi keseluruhan kursus.

6. Kriteria Pemilihan

(a) Mempunyai kelulusan akademik asas SPM/MCE

(b) Tempoh Tamat Perkhidmatan (TPP) pemohon (anggota).

(c) Pendapatan pemohon (anggota)

(d) Kursus yang diikuti oleh pemohon hendaklah kursus professional di peringkat Ijazah/Diploma/Sijil atau Ijazah Lanjutan yang berfaedah dalam kerjaya atau yang akan memudahkan mendapat pekerjaan.

7. Tempoh Bayaran Balik

Pinjaman serta dengan faedah dan lain-lain bayaran bagi pengajian dalam negeri dan luar negeri hendaklah dibayar balik mengikut jadual yang ditetapkan oleh Koperasi.

8. Kadar Faedah

Kadar faedah 8.5% setahun dikira atas pinjaman pada setiap tahun.

9. Insurans

Semua pemohon hendaklah mengambil polisi insuran melalui Koperasi kecuali anggota-anggota yang telah menyertai Skim Insurans Berkumpul Koperasi Tentera.

10. Pengeluaran Pinjaman

(1) Bayaran pertama hanya akan dikeluarkan kepada peminjam setelah Koperasi Tentera menerima dokumen berikut:-

(a) Surat pengesahan diterima masuk ke Pusat Pengajian dan surat perlepasan dari perkhidmatan (jika peminjam seorang anggota yang masih berkhidmat).

(b) Keputusan peperiksaan yang terakhir yang disahkan oleh Pusat Pengajian (jika peminjam sedang menuntut).

(2) Jika pengajian dan pinjaman untuk tempuh satu tahun pengeluaran sepenuhnya akan dibuat dalam bayaran yang pertama.

(3) Jika tempuh pengajian melebihi satu tahun, pengeluaran seterusnya akan dibuat dua kali setahun (6 bulan sekali) tertakluk kepada

keputusan peperiksaan pengajian bagi semester yang berkenaan dan keputusan peperiksaan tersebut mestilah diserahkan kepada Koperasi terlebih dahulu.

(4) Pinjaman akan diluluskan atas nama anggota atau anak.

11. Tempoh Bayaran Balik.

(1) Pinjaman, faedahnya serta premium insuran serta lain-lain bayaran hendaklah dibayar balik mengikut jadual yang ditetapkan.

(2) Bayaran balik yang pertama akan bermula sebaik sahaja pinjaman penuh untuk pengajian tahun pertama dikeluarkan kepada anggota atau anak anggota.

(3) Bayaran balik adalah samada melalui potongan gaji anggota atau secara persendirian.

12. Sekatan pengeluaran Pinjaman

Lembaga adalah berkuasa pada keseluruhannya menyekat pengeluaran pinjaman seterusnya kepada mana-mana anggota atau anak anggota jika didapati ia gagal dalam peperiksaannya atau mendapat keputusan yang tidak memuaskan.

ATURAN-ATURAN SIMPANAN WAKALAH BI AL-ISTITHMAR DAN PENGELUARANNYA

1. Matlamat

Menyumbang kepada sumber dana Koperasi disamping menggalakkan anggota menyimpan wang di Koperasi berkonsepkan *Wakalah Bi Al-Istithmar*.
(Pindaan diluluskan MAT ke 53 pada 15 Julai 2018)

2. Kelayakan Menyimpan

Terbuka kepada semua anggota dan bukan anggota tertakluk kepada kelulusan Lembaga.

3. Borang Permohonan

Setiap permohonan membuka akaun simpanan hendaklah dibuat melalui borang simpanan.

4. Amaun Simpanan

Jumlah minima simpanan ialah RM 10.00 dan tiada had maksima. Amaun simpanan juga boleh bertambah melalui pelarasan akaun yuran, pembiayaan, dividen yang tidak dituntut, rebat dan apa-apa baki wang yang diterima bagi pihak anggota.

5. Kadar Keuntungan

(a) Kadar keuntungan bergantung kepada budibicara Lembaga dan dikira di atas baki minima pada setiap bulan. Keuntungan akan dikreditkan ke akaun simpanan anggota iaitu pada 30hb Jun dan 3 1hb Disember atau semasa penutupan akaun.

(b) Lebihan dari mana-mana keuntungan yang diperolehi berdasarkan konsep pelaburan Syariah *Wakalah Bi-Al Istithmar* akan diambil sebagai Jualah iaitu fi perlaksanaan.
(Pindaan diluluskan MAT ke 53 pada 15 Julai 2018)

6. Pengeluaran

Permohonan mengeluarkan simpanan boleh dibuat pada bila-bila masa secara bertulis atau menggunakan borang pengeluaran simpanan untuk:

(a) Bayaran ke dalam akaun bank anggota atau tunai.

(b) Bayaran yuran bulanan, takaful dan lain di Koperasi Tentera.

7. Pengeluaran Khas

Sekiranya anggota mempunyai pembiayaan terbengkalai, Koperasi mempunyai hak untuk mengeluarkan simpanan ini bagi menyelesaikan pembiayaan yang terbengkalai.

8. Penutupan Akaun

Apa-apa baki wang dalam akaun ini akan dipindahkan ke dalam Akaun Tabung Kebajikan Koperasi Tentera sekiranya tidak dituntut oleh anggota dalam tempoh 1 tahun dari tarikh keanggotaan ditamatkan atau anggota mohon berhenti.

(Aturan-Aturan Simpanan Wakalah Dan Pengeluarannya (Pindaan menyeluruh) telah diluluskan di MAT yang ke 47 pada 24 Jun 2012).

ATURAN PELABURAN

1. Matlamat Pelaburan

Pelaburan adalah satu daripada usaha-usaha koperasi di dalam pembangunan sosio-ekonomi anggota. Pelaburan yang baik akan dapat menghasilkan pertambahan keuntungan dan seterusnya boleh meningkatkan pulangan kepada anggota-anggota koperasi.

2. Syarat Pelaburan

Koperasi boleh melabur dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti ekonomi mengikut syarat-syarat yang diperuntukkan dalam Akta Koperasi 1993, Peraturan-peraturan Koperasi 1995 dan Undang-Undang Kecil Koperasi dan juga Pekeliling Ketua Pendaftar Bil 2/2003 dan Bil 3/2003 atau lain-lain aturan yang bertulis dari masa ke semasa.

Koperasi hanya dibenarkan membuat pelaburan jika mempunyai wang berlebihan.

3. Skop dan Had Pelaburan

Skop dan had pelaburan bagi setiap tahun perlu mendapat kelulusan di dalam mesyuarat agung tahunan koperasi.

4. Jenis Pelaburan yang dibenarkan

Jenis pelaburan yang dibenarkan di antaranya adalah seperti berikut:-

(a) Pelaburan Wang-mendeposit wang berlebihan dalam institusi kewangan yang berlesen, bon atau sekuriti, syer-syer penerbitan baru dan disenaraikan di Bursa Sekuriti Malaysia Berhad (MESB) dan mana-mana undang-undang bertulis yang dibenarkan bagi pelaburan wang amanah;

(b) Pelaburan dalam syer syarikat yang disenaraikan di dalam Bursa Sekuriti Malaysia Berhad (MESB);

(c) Pelaburan dalam syer, sekuriti, modal syer, stok debentur syarikat, syarikat usahasama atau subsidiari dan koperasi berdaftar;

(d) Pelaburan dalam hartanah-pembangunan hartanah, pembinaan bangunan termasuk rumah-rumah dan bangunan komersial, agensi perumahan seperti mana yang dibenarkan di dalam Undang-Undang Kecil Koperasi fasal 8(1); dan

(e) Pelaburan-pelaburan lain-dalam bentuk aktiviti atau perniagaan koperasi, selain daripada di atas, tertakluk kepada Undang-Undang Kecil Koperasi, Aturan Aktiviti-aktiviti Koperasi dan kelulusan Mesyuarat Agung atau Mesyuarat Khas Anggota-anggota.

5. Tatacara Pelaburan

Semua cadangan pelaburan hendaklah terlebih dahulu dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Teknikal Pengurusan dan Jawatankuasa Pelaburan Lembaga sebelum diluluskan oleh Lembaga Koperasi.

6. Kriteria Pelaburan

Kriteria-kriteria pelaburan yang munasabah dan yang lazim digunakan hendaklah digunapakai di dalam analisa pelaburan.

Bagi pelaburan yang melibatkan jumlah yang material dan jika perlu dalam keadaan-keadaan yang lain, kajian terperinci hendaklah dibuat oleh pakar dalam bidang yang berkenaan atau konsultan.

7. Dokumen yang diperlukan bagi kelulusan Ketua Pendaftar

Bagi tujuan mendapatkan pertimbangan kelulusan pelaburan daripada Ketua Pendaftar Koperasi, koperasi perlu mengemukakan dokumen-dokumen yang diperlukan, seperti yang dinyatakan di dalam Pekeliling Ketua Pendaftar Bil. 2/2003 dan Bil. 3/2003 atau lain-lain aturan yang bertulis dari masa ke semasa.

8. Pemantauan Pelaburan

Pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh koperasi hendaklah dilaporkan kepada anggota melalui Laporan Lembaga dan dibentangkan di dalam mesyuarat Agung.

Bagi pelaburan yang telah mendapat kelulusan Ketua Pendaftar Koperasi, koperasi perlu mengemukakan laporan kemajuannya setiap enam (6) bulan bagi tahun pertama pelaburan tersebut dibuat.

ATURAN SKIM DEPOSIT
(SIMPANAN PELABURAN MUDHARABAH)

1. Matlamat

Menawarkan kemudahan mendeposit wang di koperasi berkonsepkan *Mudharabah* kepada anggota dan bukan anggota termasuk organisasi, jabatan kerajaan, badan berkanun, syarikat swasta, pertubuhan, kelab, persatuan dan lain-lain.

2. Tujuan

Tujuan simpanan ialah untuk memberi peluang kepada pendeposit melabur di Koperasi untuk meningkatkan tahap sosio ekonomi mereka.

3. Kelayakan Mendeposit

Terbuka kepada semua anggota dan bukan anggota dan pertubuhan-pertubuhan yang berdaftar. Bagi bukan anggota individu hendaklah berumur 18 tahun keatas.

4. Permohonan Membuka Akaun Deposit

Semua permohonan membuka akaun deposit bolehlah dikemukakan dengan mengisi borang yang disediakan oleh Koperasi.

5. Daftar Pendeposit dan Penama

Pendeposit hendaklah melantik penama atau penama-penama dan mencatitnya diborang permohonan deposit dan satu daftar pendeposit dan penama hendaklah disimpan di pejabat Koperasi ini.

6. Borang Permohonan

Setiap permohonan membuka akaun deposit hendaklah dibuat melalui borang deposit yang dikeluarkan oleh Koperasi.

7. Jumlah Minima Deposit

Jumlah minima deposit ialah RM 1,000.00

8. Tempoh Deposit

Deposit hendaklah dibuat untuk satu tempoh perjanjian seperti berikut:

(a) 3 bulan
(b) 6 bulan
(c) 9 bulan
(d) 12 bulan
(e) Melebihi dari 12 bulan yang mana diperetujui kedua-dua belah pihak.

9. Kadar Keuntungan

Kadar keuntungan dan sebarang perubahan mengenai kadar tersebut akan ditetapkan oleh Lembaga dari masa ke semasa.

10. Membuat Deposit

Deposit boleh dibuat bila-bila masa di ibupejabat atau mana-mana pejabat cawangan Koperasi oleh pendeposit tersebut. Sebarang tambahan kepada deposit adalah melalui kontrak baru.

11. Tamat Tempoh Matang dan Pengeluaran

Pengeluaran boleh dibuat pada bila-bila masa selepas tempoh matang dengan mengemukakan permohonan kepada Koperasi. Jika pengeluaran dibuat sebelum tempoh matang, satu penalti akan dikenakan yang kadarnya ditetapkan dari masa ke semasa oleh Lembaga. Perjanjian/persetujuan baru perlu dibuat diantara pendeposit dan Koperasi untuk meneruskan atau melanjutkan deposit tersebut.

12. Status Kemudahan Skim

Kemudahan skim deposit ini bukanlah merupakan satu hak dan Lembaga berkuasa sepenuhnya bagi meluluskan atau menolak permohonan membuka Akaun Deposit ini.

13. Syarat -syarat Skim

Syarat-syarat skim boleh berubah dari semasa ke semasa tertakluk kepada keluluran Lembaga.

ATURAN-ATURAN PEMBIAYAAN BERLANDASKAN SYARIAH

KEMUDAHAN PEMBIAYAAN BERJANGKA- *i* (PB-*i*) (TAWARRUQ) UNTUK PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS)

1. Matlamat Pembiayaan

Koperasi menawarkan kemudahan pembiayaan komersil berlandaskan Syariah kepada para pelanggan (anggota dan bukan anggota) bagi menjalankan projek dan aktiviti perniagaan yang berkaitan dengan industri Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

2. Tujuan Pembiayaan

Kemudahan pembiayaan ini diberikan kepada pelanggan Koperasi yang menjalankan aktiviti perniagaan atau projek yang mempunyai hubung kait dengan sektor PKS bagi tujuan seperti berikut:-

(a) Untuk membeli aset, barang atau perkhidmatan;

(b) Untuk mendapatkan modal kerja dan / atau modal tetap bagi menjalankan sesuatu projek pembangunan, kontrak perniagaan dan sebagainya; dan

(c) Untuk lain-lain tujuan pembiayaan yang patuh Syariah.

3. Cara Pelaksanaan Produk

Produk ini dilaksanakan mengikut konsep Syariah *Tawarruq* iaitu merujuk kepada satu bentuk transaksi dengan tujuan untuk mendapatkan wang tunai. Transaksi ini melibatkan pembelian secara tangguh sesuatu barangan pada harga kos dengan ditambah margin keuntungan dan kemudiannya dijual secara tunai dengan harga kos kepada pihak ketiga.

4. Borang Permohonan

Setiap permohonan hendaklah dibuat melalui borang permohonan pembiayaan yang disediakan oleh Koperasi.

5. Dokumen-Dokumen Sokongan

Setiap permohonan yang dimajukan perlu disertakan dokumen-dokumen berkaitan yang ditetapkan oleh Koperasi dari masa ke masa.

6. Kelayakan Asas Kemudahan Pembiayaan

Pemohon mestilah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:-

(a) Terbuka kepada syarikat, milikan tunggal, perkongsian, dan persatuan yang berdaftar di bawah undang-undang di Malaysia;

(b) Telah menjalankan operasi perniagaan dengan tempoh sekurang-kurangnya 2 tahun dan ke atas;

(c) Mestilah tidak melebihi umur 60 tahun pada tarikh matang pembiayaan (bagi milikan tunggal, perkongsian dan yang berkaitan sahaja);

(d) Syarikat mestilah merupakan hak milik warganegara Malaysia (dengan sekurang-kurangnya 51%) yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016;

(e) Syarikat mestilah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);

(f) Merupakan syarikat perusahaan perniagaan mengikut definisi kategori PKS yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (tertakluk kepada perubahan dari masa ke masa seperti yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia); dan

(g) Tidak diisytihar muflis atau disenarai hitam oleh mana-mana institusi kewangan / agensi kredit serta bebas daripada apa-apa tindakan Mahkamah atau sedang di dalam prosiding Mahkamah.

Syarat-syarat di atas adalah tertakluk kepada perubahan di dalam Polisi BNM, SKM, Akta Syarikat 2016, dan lain-lain polisi atau akta berkaitan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari masa ke masa.

7. Had Pembiayaan

Had minimum jumlah pembiayaan ialah RM 10,000 dan had maksimum jumlah pembiayaan ialah sehingga RM 1 juta atau satu jumlah pembiayaan lain yang diluluskan oleh Lembaga Koperasi dari masa ke masa.

8. Tempoh Pembiayaan

Tempoh maksima ialah sehingga sepuluh (10) tahun atau seratus dua puluh (120) bulan.

9. Jaminan / Cagaran Pembiayaan

Setiap permohonan pembiayaan perlu mengadakan jaminan seperti mana yang ditetapkan oleh Koperasi dari masa ke masa. Bentuk jaminan adalah samada melalui jaminan individu / bukan individu atau melalui cagaran ke atas sesuatu aset yang dibenarkan dan diluluskan oleh Lembaga Koperasi.

10. Kadar Keuntungan

(a) Kadar keuntungan yang ditetapkan oleh Koperasi ke atas Harga Jualan adalah ditetapkan oleh Lembaga Koperasi dari masa ke masa dan ia akan disebut semasa Akad Jual Beli.

(b) Kadar keuntungan boleh berubah dari masa ke masa berdasarkan keadaan semasa serta tertakluk kepada keputusan yang dibuat oleh Lembaga Koperasi.

11. Kos Pentadbiran

Kos pentadbiran adalah merupakan kos sebenar bagi menguruskan kemudahan pembiayaan. Kadar kos pentadbiran adalah sepertimana yang diluluskan oleh Lembaga Koperasi dari masa ke masa.

12. Pelan Takaful Kredit

Setiap kemudahan pembiayaan yang diluluskan (bagi pelanggan di bawah milikan tunggal dan perkongsian sahaja) akan dilindungi oleh pelan takaful kredit tertakluk kepada polisi Syariah dengan satu kadar yang diluluskan oleh Lembaga Koperasi.

13. Status Kemudahan Pembiayaan

Kemudahan yang disediakan oleh Koperasi ini bukanlah merupakan satu hak tetapi merupakan satu kemudahan dan ianya tertakluk kepada aturan-aturan di atas serta syarat-syarat yang ditetapkan dari masa ke masa.

14. Lain-Lain Aturan

Koperasi berhak untuk meminda semua aturan-aturan di atas menurut budi bicara Koperasi dari masa ke masa.
(Diluluskan MAT ke 52 pada 30 Julai 2017)

ATURAN-ATURAN PEMBIAYAAN BERLANDASKAN SYARIAH

KEMUDAHAN PEMBIAYAAN BERJANGKA- *i* (PB-*i*) (TAWARRUQ) UNTUK KOPERASI BERDAFTAR

1. Matlamat Pembiayaan

Koperasi menawarkan kemudahan pembiayaan komersil berlandaskan Syariah kepada Koperasi yang berdaftar di bawah undang-undang Malaysia bagi menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan yang patuh Syariah.

2. Tujuan Pembiayaan

Kemudahan pembiayaan ini diberikan kepada Koperasi Berdaftar bagi tujuan seperti berikut:-

(a) Untuk operasi dan pengembangan perniagaan;

(b) Untuk membeli aset, barang atau perkhidmatan;

(c) Untuk membeli aset, barang atau perkhidmatan;

(d) Untuk lain-lain tujuan pembiayaan yang patuh Syariah tertakluk kepada Undang-Undang Kecil dan aturan-aturan yang terpakai kepada Koperasi Berdaftar masing-masing.

3. Cara Pelaksanaan Produk

Produk ini dilaksanakan mengikut konsep Syariah *Tawarruq* iaitu merujuk kepada satu bentuk transaksi dengan tujuan untuk mendapatkan wang tunai. Transaksi ini melibatkan pembelian secara tangguh sesuatu barangan pada harga kos dengan ditambah margin keuntungan dan kemudiannya dijual secara tunai dengan harga kos kepada pihak ketiga.

4. Borang Permohonan

Setiap permohonan hendaklah dibuat melalui borang permohonan pembiayaan yang disediakan oleh Koperasi.

5. Dokumen-Dokumen Sokongan

Setiap permohonan yang dimajukan perlu disertakan dokumen-dokumen berkaitan yang ditetapkan oleh Koperasi dari masa ke masa.

6. Kelayakan Asas Kemudahan Pembiayaan

Koperasi Berdaftar mestilah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:-

(a) Ditubuhkan di bawah Akta Koperasi 1993 dan berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM);

(b) Tidak diisytihar muflis atau disenarai hitam oleh mana-mana institusi kewangan/agensi kredit serta bebas daripada apa-apa

tindakan Mahkamah atau sedang di dalam prosiding Mahkamah; dan

(c) Apa-apa syarat dan kelayakan lain yang ditetapkan oleh Lembaga Koperasi dari masa ke masa.

Syarat-syarat di atas adalah tertakluk kepada perubahan di dalam Polisi BNM, SKM dan lain-lain polisi atau akta berkaitan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari masa ke masa.

7. Had Pembiayaan

Had minimum jumlah pembiayaan ialah RM 10,000 dan had maksimum jumlah pembiayaan ialah sehingga RM 1 juta atau satu jumlah pembiayaan lain yang diluluskan oleh Lembaga Koperasi dari masa ke masa.

8. Tempoh Pembiayaan

Tempoh maksima ialah sehingga sepuluh (10) tahun atau seratus dua puluh (120) bulan.

9. Jaminan / Cagaran Pembiayaan

Setiap permohonan pembiayaan perlu mengadakan jaminan seperti mana yang ditetapkan oleh Koperasi dari masa ke masa. Bentuk jaminan adalah samada melalui jaminan individu / bukan individu atau melalui cagaran ke atas sesuatu aset yang dibenarkan dan diluluskan oleh Lembaga Koperasi.

10. Kadar Keuntungan

(a) Kadar keuntungan yang ditetapkan oleh Koperasi ke atas Harga Jualan adalah ditetapkan oleh Lembaga Koperasi dari mas a ke masa dan ia akan disebut semasa Akad Jual Beli.

(b) Kadar keuntungan boleh berubah dari masa ke masa berdasarkan keadaan semasa serta tertakluk kepada keputusan yang dibuat oleh Lembaga Koperasi.

11. Kos Pentadbiran

Kos pentadbiran adalah merupakan kos sebenar bagi menguruskan kemudahan pembiayaan. Kadar kos pentadbiran adalah sepertimana yang diluluskan oleh Lembaga Koperasi dari masa ke masa.

12. Status Kemudahan Pembiayaan

Kemudahan yang disediakan oleh Koperasi ini bukanlah merupakan satu hak tetapi merupakan satu kemudahan dan ianya tertakluk kepada aturan-aturan di atas serta syarat-syarat yang ditetapkan dari masa ke masa.

13. Lain-Lain Aturan

Koperasi berhak untuk meminda semua aturan-aturan di atas menurut budi bicara Koperasi dari masa ke masa.

(Diluluskan MAT ke 52 pada 30 Julai 2017)

ATURAN-ATURAN PEMBIAYAAN BERLANDASKAN SYARIAH

KEMUDAHAN PEMBIAYAAN PERIBADI BERDASARKAN KONSEP TAWARRUQ

1. Matlamat Pembiayaan

Koperasi menawarkan kemudahan pembiayaan peribadi bagi memberi kemudahan kewangan yang dilaksanakan mengikut konsep jual beli berunsurkan Syariah. Ia berasaskan prinsip muamalat yang dapat menghindari unsur-unsur riba.

2. Tujuan Pembiayaan

Kemudahan pembiayaan ini diberikan kepada anggota yang layak atau bukan anggota (tertakluk kepada kelulusan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia melalui surat rujukan : SKM.IP. (UU) 1018/62 Jld.8/(27) dan apa-apa kelulusan lain yang diberikan oleh pihak berkuasa yang la yak dari masa ke masa) bagi tujuan membantu mereka mengatasi pelbagai masalah seperti membayar pendahuluan rumah atau kereta, membina rumah, membiayai perkahwinan, melancong dan lain-lain tujuan yang berguna dan dibenarkan Syariah.

3. Cara Pelaksanaan Produk

Produk ini dilaksanakan mengikut konsep Syariah *Tawarruq* iaitu merujuk kepada satu bentuk transaksi dengan tujuan untuk mendapatkan wang tunai. Transaksi ini melibatkan pembelian secara tangguh sesuatu barangan pada harga kos dengan ditambah margin keuntungan dan kemudiannya dijual secara tunai dengan harga kos kepada pihak ketiga.

4. Permohonan Pembiayaan

(a) Setiap permohonan hendaklah dibuat melalui borang permohonan pembiayaan yang disediakan oleh Koperasi.

(b) Pemohon yang permohonannya telah diluluskan oleh Koperasi akan menandatangani suratcara-suratcara yang disediakan oleh Koperasi.

5. Dokumen-Dokumen Sokongan

Setiap permohonan yang dimajukan perlu disertakan dokumen-dokumen berkaitan yang ditetapkan oleh Koperasi dari masa ke masa.

6. Kelayakan Asas Kemudahan Pembiayaan

a) <u>Bagi Anggota</u>

i. Warganegara Malaysia;

ii. Berumur dari 18 tahun hingga tidak melebihi 65 tahun pada tarikh matang pembiayaan;

iii. Telah menjelaskan fi masuk dan syer sepertimana yang ditetapkan oleh Lembaga Koperasi dari masa ke masa;

iv. Telah genap 6 bulan menjadi anggota Koperasi dan telah menjelaskan sepenuhnya modal yuran bagi tempoh tersebut;

v. Telah genap 12 bulan menjadi anggota masuk semula dan telah menjelaskan sepenuhnya modal yuran bagi tempoh tersebut;

vi. Tidak diisytihar muflis atau disenarai hitam oleh mana-mana institusi kewangan / agensi kredit serta bebas daripada apa-apa tindakan Mahkamah atau sedang di dalam prosiding Mahkamah.

b) Bagi Bukan Anggota

Tertakluk kepada kelulusan sepertimana yang dinyatakan di Perkara 2 di atas, dan syarat a tau kelayakan lain yang diluluskan oleh Lembaga Koperasi mengikut skop perniagaan Koperasi yang terpakai.

Syarat-syarat di atas dan lain-lain syarat khusus adalah tertakluk kepada polisi semasa Koperasi Tentera serta perubahan di dalam Polisi BNM, SKM, dan lain-lain polisi atau akta berkaitan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari masa ke masa.

7. Had Pembiayaan

(a) Tertakluk kepada Akta Koperasi 1993, Peraturan-peraturan sedia ada sebagaimana yang ditetapkan pihak berkuasa dari masa ke masa, had pembiayaan adalah tertakluk kepada 20 kali gaji pokok termasuk elaun tetap yang tidak melebihi RM 200,000 ATAU tertakluk kepada satu had dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Koperasi dari masa ke masa.

(b) Bagi anggota di bawah kategori Luar KEMENTAH iaitu telah bersara dari perkhidmatan Kerajaan atau yang ditukar keluar dari KEMENTAH ke Jabatan Kerajaan yang lain atau yang bekerja dengan syarikat swasta had pembiayaan tertakluk kepada kelulusan Lembaga Koperasi.

8. Tempoh Pembiayaan

Tempoh pembiayaan adalah tertakluk kepada tempoh perkhidmatan pemohon atau penjamin atau satu tempoh yang ditetapkan oleh Koperasi.

9. Jaminan Pembiayaan

(a) Pembiayaan tanpa penjamin akan dikenakan satu kadar tambahan bagi menanggung risiko sekiranya pembiayaan itu tidak dijelaskan. Kadar tambahan tersebut akan ditetapkan dari semasa ke semasa, tertakluk kepada persetujuan Lembaga
(Pindaan diluluskan MAT ke 53 pada 15 Julai 2018)

(b) Pembiayaan dengan jaminan adalah sepertimana yang ditetapkan oleh Koperasi Tentera dari masa ke masa. Bentuk jaminan adalah sama ada dari kalangan anggota Koperasi Tentera atau melalui cagaran ke atas sesuatu yang dibenarkan oleh Koperasi Tentera.

10. Kadar Keuntungan

(a) Kadar keuntungan yang ditetapkan oleh Koperasi ke atas Harga Jualan adalah ditetapkan oleh Lembaga Koperasi dari masa ke masa dan ia akan disebut semasa Akad Jual Beli.

(b) Kadar keuntungan boleh berubah dari masa ke masa berdasarkan keadaan semasa serta tertakluk kepada keputusan yang dibuat oleh Lembaga Koperasi.

11. Deposit Sekuriti

Koperasi Tentera berhak menentukan mana-mana pembiayaan yang diluluskan untuk meletakkan tiga (3) bulan ansuran pembiayaan atau satu jumlah yang diluluskan oleh Lembaga Koperasi. Deposit ini akan disimpan di dalam akaun simpanan Wadiah dan akan digunakan untuk menjelaskan mana-mana ansuran yang tidak dibayar.

12. Kos Pentadbiran

Kos pentadbiran adalah merupakan kos sebenar bagi menguruskan kemudahan pembiayaan. Kadar kos pentadbiran adalah sepertimana yang diluluskan oleh Lembaga Koperasi dari masa ke masa.

13. Skim Perlindungan Pembiayaan (SPP)

Dimansuhkan.
(berkuatkuasa pada 1 Januari 2019)
(Pindaan diluluskan MAT ke 53 pada 15 Julai 2018)

14. Status Kemudahan Pembiayaan

Kemudahan yang disediakan oleh Koperasi ini bukanlah merupakan satu hak tetapi merupakan satu kemudahan dan ianya tertakluk kepada aturan-aturan di atas serta syarat-syarat yang ditetapkan dari masa ke masa.

15. Koperasi Beroperasi Sebagai Ko-op Bank

Dalam keadaan di mana Koperasi beroperasi sebagai Ko-op Bank, kelayakan asas di dalam Perkara 6(a) Aturan ini hanya akan terpakai kepada produk-produk pembiayaan yang ditawarkan khusus kepada anggota sahaja.

16. Lain-Lain Aturan

Koperasi berhak untuk meminda semua aturan-aturan di atas menurut budi bicara Lembaga Koperasi dari masa ke masa.

(Diluluskan MAT ke 52 pada 30 Julai 2017)